



PROGRAM  
PERDANA  
DBKL



# INTIPATI UTAMA BELANJAWAN DBKL 2025

## MITIGASI BANJIR PENGURUSAN KESESAKAN LALU LINTAS

# DBKL 15 PROGRAM PERDANA

INISIAF  
REINDUSTRI KARBON  
PENGURUSAN LINGKARAN  
SARAFAN DAN CERUN  
KUALA LUMPUR BANDAR  
PENGURUSAN PENJAJA  
PENGURUSAN BANDAR  
SUDAN, SENI DAN BUDAYA  
LANJARAN

Pelancaran Program Flagship Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertujuan untuk memacu pembangunan mampan dan transformasi Bandar Raya Kuala Lumpur. Program ini dirangka sebagai sebahagian daripada agenda 24 bulan (2024-2026) yang selari dengan wawasan menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar global yang 'liveable & loveable'. Terdapat 15 program flagship yang dilaksanakan di bawah lima bidang utama, iaitu; **Pewartaan Pelan Tempatan Kuala Lumpur, Bandar Pintar (Urban Digital Twin), K2K KL, Perumahan Madani & Rumah Sewa DBKL, Lestari Niaga, Penghijauan Bandar, Tenaga Boleh Diperbaharui, Ke Arah Sifar Sisa KL, Daerah Kreatif & Kebudayaan KL (KLCCD), Komunikasi Strategik, Memperkukuhkan Pengurusan Aduan, Separuh Penggal Pelan Strategik DBKL 2021-2030, Pasukan Petugas Audit, Transformasi Budaya Kerja, Papan Pemuka Prestasi & Pelaporan.**





# WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

PEMBANGUNAN BERASASKAN

F1 : Pewartaan Pelan Tempatan Kuala Lumpur

PROGRAM

Meindungi pembangunan berasaskan pelan yang terstruktur untuk bandar ini.

TINDAKAN & OUTCOME

Pelan Tempatan Kuala Lumpur menjelang Mei 2025 dengan daripada pihak berkepentingan (komuniti, perniagaan)

MAMUNAH

MOHAMAD

Belanjawan DBKL 2025

Belanjawan DBKL 2025

TINDAKAN

Kesejahteraan melalui perancangan yang lebih

F5 : L

PRO

Ment

**BELANJAWAN DBKL 2025**

## Lestarikan Kuala Lumpur

▶▶ 2-3

Cabaran tangani hijrah anak muda  
▶▶ 6

RM2.5 juta untuk 123 buku  
▶▶ 15

Mohon Pembiayaan Peribadi Dengan MBSB Bank  
▶▶ 19

## Belanjawan DBKL 2025

# LANDASAN BETUL TINGKATKAN IMEJ KL

AZLAN ZAMBRY

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) komited untuk mengubah Kuala Lumpur menjadi metropolis yang mampan, moden, mengutamakan kesejahteraan dan kemakmuran warganya, namun pada masa sama perlu meniru polisi dari pentadbir bandar raya dunia yang lain untuk dilaksanakan di Kuala Lumpur.

Menurut Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof Madya Dr Mohd Zairul Mohd Noor**, DBKL masih perlu menilai pendekatan dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh negara maju lain yang boleh diadaptasikan di Kuala Lumpur untuk memperkukuhkan kesan positif terhadap pembangunan bandar.

Katanya, walaupun DBKL telah membelanjakan sejumlah wang yang besar, namun model yang boleh dilaksanakan bertujuan memastikan Kuala Lumpur kekal berdaya tahan dan boleh menyesuaikan diri dengan keperluan masa hadapan, akhirnya memberi manfaat kepada semua warga kota dengan nilai inklusif.

"Langkah DBKL seperti pewartaan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 adalah strategi yang baik. Contohnya di Copenhagen, Denmark, mereka telah mengintegrasikan pendekatan pembangunan lestari melalui pelan bandar yang memberi keutamaan kepada zon rendah karbon dan jaringan pengangkutan hijau.

"Bandar ini juga terkenal dengan 'Finger Plan' di mana pembangunan dipusatkan sepanjang koridor pengangkutan awam untuk mengelakkan penyebaran bandar tidak terancang. DBKL boleh meniru pendekatan ini dengan lebih agresif, seperti memperkenalkan zon pembangunan berintensiti rendah di kawasan sensitif alam sekitar," katanya kepada *Wilayahku* pada Isnin.

Beliau berkata, menerusi Belanjawan DBKL 2025 yang memperuntukkan RM166.5 juta untuk pembangunan Rumah Majlis, ia boleh ditambah baik dengan mengambil model dari Vienna, Austria yang terkenal dengan perumahan awam berkualiti tinggi.

"Vienna bukan sahaja membina rumah mampu milik tetapi memastikan penyelenggaraan dilakukan secara konsisten melalui perkongsian kos dengan penduduk.

"DBKL boleh meneroka pendekatan ini dengan melibatkan penyewa dalam tanggungjawab penyelenggaraan kecil, sementara menumpukan peruntukan besar kepada pembaikan struktur utama," katanya.

Sebagai seorang pakar dalam



**INISATIF yang dilaksanakan di luar negara boleh dilaksanakan oleh DBKL dalam meningkatkan imejnya sebagai bandar raya terkemuka dunia.**

bidang perancangan bandar mampan, Mohd Zairul berkata isu kesesakan jalan raya antara perkara yang perlu tindakan secara komprehensif dan usaha untuk memasang kamera litar tertutup (CCTV) yang dilengkapi dengan kecerdasan buatan (AI) adalah langkah inovatif, tetapi perlu dilengkapi dengan pendekatan seperti yang digunakan di Singapura.

"Singapura menggunakan sistem *Electronic Road Pricing (ERP)* untuk mengurus kesesakan lalu lintas. Selain itu, integrasi pengangkutan awam seperti *last-mile connectivity* melalui bas mini elektrik atau skuter sewa juga boleh dipertimbangkan," katanya.

Mohd Zairul berkata, inisiatif DBKL dalam usaha penghijauan bandar seperti *Green Connector* adalah langkah penting dan beliau mencadangkan agar pentadbir bandar raya itu mencontohi Melbourne, Australia yang telah melaksanakan strategi *Urban Forest* yang bertujuan

meningkatkan liputan kanopi pokok untuk mengurangkan kesan haba bandar.

"DBKL boleh mencontohi program ini dengan melibatkan komuniti setempat dalam penanaman dan penjagaan pokok di kawasan perumahan dan komersial.

"Selain itu, New York City melalui Projek *High Line* telah menukar landasan kereta api terbiar menjadi taman linear yang menjadi destinasi pelancongan. Konsep ini boleh diadaptasi untuk menghidupkan semula kawasan lama di Kuala Lumpur," katanya.

Menurutnya, Sesi Libat Urus (SLU) yang dilaksanakan DBKL adalah langkah proaktif, tetapi ia boleh diperkasakan dengan pendekatan seperti di Porto Alegre, Brazil, melalui

*Participatory Budgeting*.

"Penduduk di kawasan ini diberikan kuasa untuk menentukan peruntukan bagi projek tertentu. DBKL boleh meneroka kaedah ini untuk memberi lebih banyak suara kepada komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA), terutamanya dalam isu penyelenggaraan dan pembangunan kawasan perumahan mereka," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mencadangkan kepada DBKL Pelan Jangka Panjang Infrastruktur Hijau demi kesejahteraan warga kota.


"Belanjawan yang besar untuk penyelenggaraan kawasan hijau perlu disertai dengan pelan strategik jangka panjang seperti yang dilakukan di Freiburg, Jerman, sebuah bandar yang dikenali sebagai bandar hijau model dunia.

"Freiburg mempunyai perancangan lestari yang merangkumi perlindungan kawasan tadahan air dan integrasi pertanian bandar," katanya.

Tambahnya, dalam usaha memperluaskan teknologi digital dalam perancangan bandar, beliau mencadangkan DBKL mencontohi Seoul yang menggunakan sistem *'Digital Twin'* untuk memodelkan bandar secara maya.

"DBKL boleh mengambil langkah serupa dengan menggunakan data trafik dan perancangan bandar untuk menguji kebijakan sebelum melaksanakannya di lapangan," katanya.


Ujarnya, beliau percaya bahawa DBKL berada di landasan yang betul dengan Belanjawan 2025 ini namun, pelajaran daripada bandar-bandar di luar negara boleh memberi inspirasi kepada DBKL untuk memperhalusi dan memperhebatkan strategi sedia ada.

"Jika diberi peluang, saya sedia membantu DBKL untuk menerapkan idea-idea global ini dalam konteks tempatan, agar Kuala Lumpur benar-benar menjadi bandar yang *Liveable & Loveable* bagi semua," katanya. 

## Intipati utama Belanjawan DBKL 2025

### MITIGASI BANJIR

- **RM49.9 juta** - saliran dan sistem pengairan, kolam penahan banjir, dinding banjir dan penyelenggaraan sistem pam
- **RM39.2 juta** - penyelenggaraan sungai, longkang utama, longkang tepi jalan dan rumah pam



### PENGURUSAN KESESAKAN LALU LINTAS

- **RM178.7 juta** - infrastruktur penyelenggaraan termasuk sistem lalu lintas, lampu isyarat, CCTV
- **RM6 juta** - untuk kemudahan *park and ride*, pembinaan tempat letak kereta dan penggantian lif di Perumahan Awam di Jalan Tun Sambanthan dan jambatan pejalan kaki

### INISIATIF RENDAH KARBON

- **RM57.6 juta** - lorong basikal penyelenggaraan, GoKL bas elektrik, kitar semula dan program penanaman pokok



### PENYELENGGARAAN JALAN RAYA DAN CERUN

- **RM269.3 juta** - penyelenggaraan 2,109km jalan raya dan 182 cerun

### KELESTARIAN BANDAR

- **RM239.6 juta** - landskap, taman permainan penyelenggaraan dan pengindahan bangunan warisan



### PENGURUSAN PENIAGA

- **RM26.9 juta** - penyelenggaraan bangunan dan naik taraf pengurusan bazar perayaan
- **RM32 juta** - bina dan naik taraf pusat penjaja dan pasar

### PERUMAHAN BANDAR

- **RM166.5 juta** - pembangunan Rumah Majlis
- **RM178.8 juta** - baik pulih dan mengekalkan perumahan awam perumahan, penyewaan CCTV, penyelenggaraan rumah sampah dan pembersihan kontrak
- **RM17 juta** - naik taraf dan penggantian lif di Perumahan Awam



### SUKAN, SENI DAN BUDAYA

- **RM11.3 juta** - sukan dan seni aktiviti, stadium dan penyelenggaraan kolam awam
- **RM3.4 juta** - naik taraf Stadium Hoki Kuala Lumpur padang bola dan gelanggang sukan

### PELANCONGAN

- **RM21.8 juta** - promosi pelancongan
- **RM8.5 juta** - Kepengerusan ASEAN



### LAIN-LAIN

- **RM39.7 juta** - penguatkuasaan
- **RM233.8 juta** - pengurusan sisa pepejal

## Belanjawan DBKL 2025

# KL BANDAR RAYA ELIT DUNIA

AZLAN ZAMBRY

**B**ELANJAWAN Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 2025 yang dibentangkan pada Khamis lalu merupakan pelan kewangan strategik yang bertujuan untuk memupuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial di Kuala Lumpur.

Dengan tumpuan kepada pembangunan bandar yang mampan, belanjawan memperuntukkan sumber yang besar ke arah penambahbaikan infrastruktur, kemudahan awam dan inisiatif hijau. Pendekatan berfikir ke hadapan ini bukan sahaja meningkatkan kualiti hidup penduduk tetapi juga mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pelaburan asing.

Dengan mengutamakan projek yang meningkatkan aktiviti ekonomi dan kesejahteraan sosial, Kuala Lumpur meletakkan dirinya sebagai destinasi menarik untuk pelabur global, menjanjikan masa depan yang bertenaga dan makmur untuk bandar raya dan warganya.

Menurut Pensyarah Kanan Ekonomi, Universiti Teknologi Mara (UiTM), **Dr Bashir Ahmad Shabir Ahmad**, melihat kepada pembentangan Belanjawan DBKL 2025 yang memperuntukkan sejumlah RM2.84 bilion dengan pecahan peruntukan sebanyak RM2.20 bilion bagi tujuan mengurus dan RM0.64 bilion bagi tujuan pembangunan, belanjawan kali ini dilihat lebih ideal dan realistik dalam menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Elit Dunia dalam jangka masa lima tahun dari sekarang.

"Dengan bertemakan 'Kuala Lumpur Lestari, Warga Kota Sejahtera' sebagai paksi, belanjawan kali ini dilihat bersifat lebih komprehensif dengan tumpuan kepada beberapa sektor atau industri terkini mengikut keperluan semasa seperti teknologi hijau, bandar rendah karbon, peralihan guna tenaga solar, pemampanan ekonomi domestik dan keselamatan serta keharmonian komuniti menjadi keutamaan.

Menurut Bashir, antara yang diberi tumpuan dalam belanjawan kali ini adalah kepada kesejahteraan dan keharmonian warga masyarakat ibu kota termasuk warga emas dan yang berpendapatan rendah dengan peruntukan hampir kepada RM130 juta.

"Antara kemudahan yang disediakan adalah pengangkutan bas percuma yang menelan belanja sebanyak RM45 juta dan RM10 juta bagi pengurusan bas sekolah kepada murid sekolah daripada keluarga yang kurang berkemampuan. "Selain itu, peruntukan RM5.5 juta juga disediakan bagi tujuan aktiviti sosial, gotong-royong dan pembangunan serta bantuan sosial kepada warga kota dengan penambahan sebanyak RM15.3 juta lagi untuk program-program khas komuniti terutama kepada golongan orang kurang upaya (OKU), warga emas dan gelandangan," katanya.

Bashir berkata, menerusi belanjawan tersebut, antara perkara yang turut diberi tumpuan adalah penambahbaikan kepada sistem mampan banjir melalui Program Mitigasi Banjir yang akan menelan belanja sebanyak RM89 juta dan juga perbelanjaan kepada sektor keselamatan dan lalu lintas yang berjumlah hampir kepada RM180 juta.



**BELANJAWAN DBKL mampu menjadi pemangkin untuk memperolehi lebih banyak peluang pelaburan antarabangsa.**


"Kedua-dua strategi dan perbelanjaan ini adalah amat penting dalam memastikan bandar raya Kuala Lumpur kekal dominan sebagai bandar raya yang bebas dari ancaman air pasang yang boleh merugikan sektor ekonomi domestik serta indeks keselamatan yang lebih terjamin dalam memastikan ia kekal ideal sebagai hab pelaburan terutama pelaburan asing yang inginkan suasana persekitaran ibu kota yang kondusif dan efektif untuk menarik keyakinan pelabur," katanya.

Tambah beliau, usaha DBKL dalam memacu sektor-sektor yang terkini seperti teknologi hijau, kecerdasan buatan (AI) serta memberi tumpuan kepada Bandaraya Rendah Karbon dan peralihan guna tenaga baru adalah dilihat sebagai satu langkah yang bijak dalam menarik pelabur dalaman dan asing untuk menerokai bidang dan industri ini dengan komprehensif.

Menurut Bashir, DBKL juga dilihat berusaha menangani integrasi teknologi digital dan inisiatif hijau dalam mewujudkan peluang pelaburan yang mampan di Kuala Lumpur menerusi peruntukan hampir RM300 juta kepada industri

atau sektor tersebut.

"Sektor teknologi hijau dan digital adalah dilihat sebagai satu langkah permulaan dan persiapan yang baik dalam memastikan Kuala Lumpur dapat menepati hasrat Kerajaan MADANI sebagai bandar raya bebas karbon dan bandar raya digital serta berlestari hijau dalam jangka masa lima tahun ini dapat dicapai.

"Dengan tumpuan dan hala tuju yang jelas oleh DBKL ke arah ini, ia akan memberi isyarat nyata kepada pelabur luar mengenai sektor dan bidang mana yang perlu mereka beri tumpuan untuk pelaburan dalam jangka masa lima tahun ini," katanya. 

## Manfaatkan peruntukan sebaik mungkin

**GABUNGAN** Persatuan Penjaja Kecil dan Peniaga Malaysia menyambut baik peruntukan kira-kira RM58.9 juta untuk membantu golongan berkenaan untuk terus menjalankan perniagaan menerusi program sedia ada, namun menyifatkan peruntukan tersebut wajar dinaikkan.

Presidennya, **Datuk Seri Rosli Sulaiman** berkata, peruntukan tersebut perlu dimanfaatkan sebaik mungkin dan memastikan projek yang dirancang dilaksanakan untuk kebajikan dan kemudahan golongan peniaga.

"Peruntukan ini perlu dipertingkatkan lagi untuk masa-masa akan datang berikutan golongan berkenaan yang berdaftar dengan persatuan adalah sebanyak 31,000 di seluruh Kuala Lumpur.

"Dengan jumlah berkenaan, saya amat mengharapkan agar pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dapat melaksanakan pembangunan peniaga dan penjaja kecil sekaligus memberi manfaat kepada mereka," katanya ketika dihubungi Wilayahku.

Beliau turut mencadangkan kepada DBKL dan Kerajaan Persekutuan supaya dapat meneliti tentang pembangunan dua kompleks pasar baharu di dua kawasan parlimen bagi membantu golongan peniaga kecil serta penduduk di kawasan terlibat.



**ROSLI**

"Persatuan mencadangkan pembangunan baharu Pasar Pudu berikutan pasar lama sangat usang yang dibina sejak tahun 1950-an. Selain itu, pembinaan pasar baharu di kawasan Parlimen Lembah Pantai yang dicadangkan bagi memberi kemudahan kepada peniaga dan penduduk berikutan tiada kompleks pasar di kawasan itu selama ini," katanya.

Dalam pada itu, Rosli berkata pihak DBKL khususnya perlu menyediakan kawasan khusus untuk peniaga *food truck* memandangkan tiada kawasan yang dibenarkan bagi

memberikan peluang kepada usahawan berkenaan menjalankan perniagaan.

"Kalau kita lihat, peniaga *food truck* ini berniaga dalam keadaan yang bersih dan tempat yang disediakan terhad iaitu di Jalan Dungun dan di hadapan Menara Berkembar KLCC.


"Jadi dengan peruntukan yang ada, saya berharap DBKL dapat menyediakan lokasi khusus yang strategik untuk membantu golongan berkenaan selain memudahkan pemberian lesen perniagaan kepada mereka," katanya.

Tambah beliau, pihaknya kini mempunyai lebih 200 peniaga yang berdaftar dengan persatuan dan berharap agar DBKL dapat membantu usahawan berkenaan.

Sementara itu, beliau turut

menyarankan agar DBKL menerusi Jabatan Penguatkuasaan untuk meningkatkan rondaan bagi menangani pembinaan gerai baharu yang mencacatkan pemandangan.

"Gerai-gerai ini dibangunkan secara haram dan ia sedikit sebanyak memberikan imej buruk kepada peniaga kerana apabila tindakan diambil ia akan menyebabkan masalah lain.

"Oleh yang demikian, kami berharap agar DBKL dapat meningkatkan tindakan penguatkuasaan terhadap gerai-gerai haram ini, khususnya di kawasan Kampung Pandan kerana pembinaannya kadangkala melampau termasuklah menyebabkan keadaan seperti setinggan dan ini memerlukan tindakan DBKL," katanya. 

Ke arah teknologi hijau

# PM BUKTI KOMITMEN

**KERAJAAN** pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memandang serius dalam usaha menggalakkan industri automotif berteraskan kenderaan elektrik (EV).

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, **Dr Mohammad Tawfik Yaakub** berkata, usaha itu dilakukan menerusi pelbagai inisiatif antaranya peralihan kenderaan rasmi kerajaan kepada EV.

“Usaha lain seperti melanjutkan pengecualian duti import bagi komponen EV pemasangan tempatan sehingga Disember 2027. Kerajaan juga menawarkan potongan cukai sehingga RM300,000 untuk syarikat yang menyewa kenderaan elektrik bukan komersial dan mewujudkan 10,000 stesen pengecas EV di seluruh Malaysia menjelang 2025,” katanya.

Tambahnya, Proton Holdings Bhd (PROTON) juga sedang giat menyahut seruan kerajaan menerusi

pengeluaran Proton e.MAS 7 sekaligus memperlihatkan kerajaan memberi tumpuan mengarusperdanakan industri kenderaan EV melalui jenama nasional negara.

Beliau berkata, dorongan daripada kerajaan ini bukan sahaja satu galakan tetapi komitmen luar biasa yang pernah ditunjukkan bagi memastikan Malaysia seiring negara-negara lain untuk memajukan industri automotif EV tempatan.



MOHAMMAD TAWFIK

“Saya tidak terkejut rakyat semakin memilih kenderaan EV sebagai pilihan utama mereka dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang hasil daripada galakan, insentif dan keupayaan teknologi yang syarikat tempatan kita miliki,” katanya.

Malaysia kini memiliki EV pertama melalui inisiatif PROTON dengan pengenalan Proton e.MAS 7.

Pelancaran yang disempurnakan Anwar itu bukan sahaja menandakan satu langkah besar dalam sektor

automotif negara, malah turut menggambarkan komitmen Malaysia dalam mengorak langkah ke arah kemampanan dan inovasi teknologi hijau.

Ditawarkan pada harga bermula RM109,800, Proton e.MAS 7 tampil dengan dua pilihan iaitu varian Prime (bermula RM109,800) dan versi tertinggi Premium (RM123,800).

Seramai 3,000 pelanggan awal bakal menikmati rebat RM4,000 yang menyaksikan varian Prime bermula RM105,800 dan Premium bermula RM119,800.

Pada 16 Disember lalu, Perdana Menteri dalam ucapan pelancaran e.MAS 7 berkata, pelancaran EV pertama jenama Malaysia adalah pencapaian penting dalam membawa kejayaan negara dalam sektor automotif.

Untuk jarak perjalanan, varian Proton e.MAS 7 Prime boleh bergerak sejauh 345 kilometer, manakala e.Mas 7 Konfigurasi itu cukup untuk membolehkan Proton e.MAS 7 memecut dari 0-100 kilometer sejam (km/j) dalam masa 6.9 saat, sekaligus menjadikan ia model pengeluaran paling pantas PROTON setakat ini. 🇲🇾



**ZALIHA** (kiri) ketika meninjau lokasi pelancaran di Kuala Lumpur sebagai persiapan menjelang Kepengerusian ASEAN 2025.

## Agensi pantau perancangan secara proaktif

**MENTERI** di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** menegaskan komitmen setiap agensi untuk terus memantau prestasi terhadap semua perkara yang telah dirancang.

Beliau membuat penegasan itu ketika mempengerusikan mesyuarat terakhir tahun ini bersama ketua-ketua agensi Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) di Menara Seri Wilayah, Putrajaya, baru-baru ini.

Jelasnya, penegasan juga diberikan perhatian kepada langkah-langkah yang proaktif yang perlu diambil terhadap semua perkara yang dirancang berkenaan.

“Antara intipati mesyuarat adalah untuk memperhalusi semua tindakan dan cabaran yang memerlukan penyelesaian segera,” katanya.

Beliau memberitahu ia melibatkan isu-isu terkait penguatkuasaan KL Strike Force dan juga fokus Wilayah Persekutuan dalam menghadapi Tahun Kepengerusian ASEAN 2025 tidak berapa lama lagi.

Katanya, mesyuarat tersebut diadakan dua kali sebulan bertujuan untuk memastikan semua agensi di bawah JWP bekerja seadeg dan selangkah.

Ini tambahnya bagi merealisasikan agenda pembangunan yang lebih inklusif dan mampan.

Sebelum ini, JWP dipertanggungjawabkan untuk menyelaras urusan logistik sebagai usaha melicinkan operasi kerajaan menjelang Tahun Kepengerusian ASEAN 2025.

JWP turut berada di bawah *task force* yang diketuai Wisma Putra bagi menangani sebarang masalah khususnya melibatkan ibu negara.

Difahamkan lebih 300 program akan dilaksanakan sepanjang Kepengerusian ASEAN dan Kuala Lumpur menjadi tumpuan dan yang paling banyak program.

Terdahulu, Zaliha bersama pegawai-pegawai JWP dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) turun meninjau lokasi-lokasi di sekitar ibu negara termasuk tumpuan pelancong bagi meneliti ketersediaan Kuala Lumpur untuk Kepengerusian ASEAN 2025.

Turut sama dalam tinjauan itu Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi) DBKL, Ismadi Sakirin dan Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek) DBKL, Mohamad Hamim. 🇲🇾



**AZMAN** (lima dari kanan) pada Majlis Apresiasi Media.

## Perlu kerjasama semua pihak

**KONSEP** Malaysia MADANI yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertujuan untuk memperkukuh keadilan sosial dan memacu kesejahteraan rakyat.

Untuk itu Setiausaha Politik Perdana Menteri, **Datuk Azman Abidin** berkata usaha tersebut memerlukan kerjasama erat antara kerajaan dan pihak media.

Malah menurut beliau melalui kerjasama yang kukuh, mesej-mesej penting dapat disampaikan dengan berkesan, lantas memastikan rakyat memahami hala tuju yang dirancang demi kebaikan bersama.

“Satu lagi aspek penting adalah peranan media dalam situasi kecemasan dan krisis. Kita semua sedar bahawa dalam saat genting, media menjadi sumber utama rakyat mendapatkan maklumat.

“Contohnya semasa banjir baru-baru ini di Pantai Timur dan beberapa kawasan lain di negara kita, laporan berita yang tepat dan pantas telah

membantu rakyat untuk bersedia, memahami prosedur operasi standard (SOP) dan mendapatkan maklumat tentang amaran awal situasi gelombang banjir serta persiapan kesiapsiagaan yang dapat dilakukan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Apresiasi Media yang diadakan di dalam Cruise Tasik Putrajaya baru-baru ini.

Majlis tersebut turut dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Dr Abdul Basir V Kunhimohamed; Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya, Siti Fadilah Ramli dan Pengurus Besar Menara Kuala Lumpur, Arman Ramli.

Azman berkata, petugas media yang berada di lapangan ketika situasi-situasi itu melalui keadaan yang mencabar dan sering kali menjadi ‘unsung hero’ atau wira yang tidak didendang.

Katanya, tanggungjawab yang

dipegang oleh media dalam konteks ini adalah besar dan kerajaan sentiasa menghargai sumbangan tersebut.

“Walaupun begitu kita tidak boleh mengabaikan cabaran besar yang dihadapi oleh media, iaitu penyebaran berita palsu. Dalam dunia digital yang berkembang pesat, berita palsu boleh tersebar dengan pantas dan ini memberi implikasi besar terhadap kestabilan sosial dan keyakinan rakyat.

“Sehubungan itu kerajaan mengajak semua pihak media untuk bersama-sama memerangi penyebaran maklumat palsu dengan memperkukuhkan literasi media dalam kalangan masyarakat. Pada masa yang sama, kami menyeru semua pengamal media untuk terus berpegang kepada prinsip etikaewartawanan.

“Hanya dengan mengekalkan integriti dan profesionalisme, kita dapat memperkukuhkan kepercayaan rakyat terhadap institusi media,” katanya. 🇲🇾

Dituduh campur tangan keputusan bebaskan Rosmah

# PM HORMAT MAHKAMAH

**S**EBELUM ini kecoh apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pernah dituduh kononnya bersubahat dalam membebaskan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Zahid Hamidi.

Tidak cukup itu, baru-baru ini Anwar dituduh pula terlibat dalam komplot untuk membebaskan Datin Seri Rosmah Mansor daripada 12 tuduhan pengubahan wang haram dan lima kes gagal mengisytiharkan pendapatannya kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Tuduhan yang dilemparkan kepada Anwar adalah tidak berasas sama sekali kerana pemimpin utama negara itu sangat tegas dalam memerangi rasuah.

Sesuai dengan usaha murni Anwar untuk membanteras rasuah, mana mungkin beliau terlibat dalam mempengaruhi keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Ini kerana Anwar seorang yang patuh kepada prinsip dan tidak memungkir janji.

Anwar berkata, itu adalah keputusan mahkamah dan terserah kepada Peguam Negara untuk mengambil tindakan berikutnya.

Anwar menegaskan, adalah tidak munasabah menganggap pentadbiran beliau sama seperti pentadbiran terdahulu, yang beliau dakwa Perdana Menteri boleh memanggil hakim dan memberi arahan.

"Saya tidak menemui mana-mana hakim, saya tidak bicara dengan Ketua Hakim Negara dalam



**ANWAR melancarkan buku Lim Kit Siang: Malaysian First Jilid 1 & 2 di Ipoh. Perak, baru-baru ini.**

soal keputusan mahkamah. "Kita hormati keputusan mahkamah. Kalau Peguam Negara merasakan perlu membuat rayuan, itu keputusan Peguam Negara. Tapi saya tidak fikir perkara ini perlu jadi kontroversi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan

buku Lim Kit Siang: Malaysian First Jilid 1 & 2 di Ipoh, baru-baru ini.

Pada Khamis minggu lepas, isteri bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak itu dilepaskan dan dibebaskan atas kes AMLA mencecah lebih RM7 juta dan lima kes berkaitan LHDN.

Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad

Akram Gharib dalam reaksinya selepas prosiding berkata, pihak pendakwaan akan membuat rayuan di Mahkamah Rayuan berhubung keputusan Mahkamah Tinggi itu.

Sebelum ini, Zahid Hamidi kekal dilepaskan dan dibebaskan oleh Mahkamah Rayuan di sini atas 40 pertuduhan menerima rasuah daripada Syarikat Ultra Kirana Sdn Bhd (UKSB) berhubung Sistem VLN.

Panel tiga hakim dipengerusikan Datuk Che Mohd Ruzima Ghazali memutuskan demikian selepas Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Yusaini Amer Abdul Karim memberitahu bahawa Jabatan Peguam Negara (AGC) menarik balik semua rayuan terhadap kes ini.

Pada Jun 2019, Zahid didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam, Selangor atas 40 pertuduhan menerima rasuah daripada Syarikat Ultra Kirana Sdn Bhd (UKSB) berhubung Sistem VLN.

Ia membabitkan 33 pertuduhan menerima rasuah berjumlah SG\$13.56 juta (RM47.08 juta) daripada UKSB untuk dirinya sebagai Menteri Dalam Negeri bagi menyambung kontrak syarikat itu sebagai pengendali perkhidmatan Pusat Sehati (OSC) di China dan Sistem VLN serta bagi mengekalkan perjanjian kontrak untuk membekalkan sistem bersepadu VLN kepada syarikat yang sama oleh Kementerian Dalam Negeri.

Semua itu adalah keputusan hakim mahkamah dan Anwar tidak pernah campur tangan.

## MENARIK WILAYAHKU



### KUALA LUMPUR

**1/1/25:** KL New Year Run 2025 @ Dataran Merdeka, KL

**11-12/1/25:** KLPJ Wedding Fair @ KLCC

**31/12/24 - 5/1/25:** New Year Enter (Fun Market) @ Pasar Seni Kuala Lumpur

**16/2/25:** KL Half Marathon @ Dataran Merdeka Kuala Lumpur



### PUTRAJAYA

**27 - 29/12/24:** Zumba LAMPU @ Perbadanan Putrajaya

**27 - 31/12/24:** Festival Light & Motion Putrajaya (LAMPU) 2024

**15/2/25:** Putrajaya Night Race @ Dataran Wawasan



### LABUAN

**28/12/24 - 1/1/25:** Labuan Ambang 2025 Open Fours @ Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan

**31/12/24:** International Character Costume Night Run 2024 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

**26 - 30/7/25:** Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

## TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

# Tiada istilah 'cakap tak serupa bikin'

**KECOH** dalam media sosial apabila netizen mahupun pempengaruh mempertikaikan tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang melantik Tun Musa Aman sebagai Yang di-pertua Negeri Sabah baharu.

Dakwa mereka, Anwar cakap tak serupa bikin apabila melantik individu yang terpalit dengan isu rasuah, sedangkan dirinya melaungkan 'perang' terhadap perbuatan terkutuk itu.

Dalam hal ini, mungkin ada yang terlepas fakta atau info terkini tentang Musa Aman sehingga menyebabkan tuduhan tidak berasas terhadap Anwar.

Menurut Anwar, isu pelantikan itu tidak perlu dibangkitkan memandangkan Musa sendiri telah dilepas dan dibebaskan daripada semua 46 tuduhan rasuah dan pengubahan wang haram berhubung kontrak konsesi balak di Sabah, empat tahun lalu.

"Keputusan melepaskan Tun Musa itu keputusan 2020 semasa Muhyiddin (Tan Sri Muhyiddin Yassin) menjadi Perdana Menteri.

"(Jadi sekarang ini) Apa isu dia? Kemudian melalak seolah jadi masalah.

"Ada kes dibawa (ke mahkamah),

jika tidak ada, (maka) kes ditutup," katanya.

Anwar berkata, pelantikan bekas Ketua Menteri Sabah sebagai Yang di-pertua Negeri itu memang telah dimaklumkan dan dirujuk kepada beliau.

Bagaimanapun katanya dalam isu tersebut, beliau sebagai Perdana Menteri maklum batasan bahawa dalam Perlembagaan, kuasa lantikan Yang di-pertua Negeri adalah kuasa Yang di-Pertuan Agong.

"Sekarang setelah Agong perkenan (pelantikan Musa), apa pendirian saya? Saya terima baik keputusan Agong dan mendoakan sebaiknya supaya Tun Musa Aman menjadi seorang Yang di-pertua Negeri yang baik untuk Sabah," katanya.

Terdahulu, pelantikan Musa sebagai Yang di-pertua Negeri Sabah mencetuskan perdebatan yang mengaitkan beliau dengan tuduhan rasuah lampau dan pembebasannya pada 2020.

Baru-baru ini, Musa menerima Surat Cara Pelantikan sebagai Tuan Yang Terutama (TYT) Yang Dipertua Negeri Sabah daripada Yang di-Pertuan Agong, menggantikan Tun Juhar Mahiruddin yang tamat tempoh perkhidmatan pada 31 Disember ini.



**MAJLIS Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan Tun Musa Aman sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah di Istana Negara yang disempurnakan oleh KDYMM Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim.**

**KAWASAN** Dewan Undangan Negeri (DUN) Kukup di Johor boleh dikatakan dekat dengan pintu masuk ke negara jiran. Justeru masalah utama penghijrahan anak muda untuk bekerja di negara jiran itu menjadi cabaran buat Yang Berhormat (YB) **DATUK JEFRIDIN ATAN** selaku Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kukup menanganinya secara baik.

Ia bukan tugas mudah buat beliau kerana penghijrahan itu sudah berlaku seawal 70-an dan kini masanya untuk membina peluang pekerjaan yang setimpal di Kukup melalui pelbagai program dan usaha.

Kepada wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED**, beliau yakin pembangunan industri di Kukup dapat membangunkan ekonomi di kawasan berkenaan di samping membina ruang kepada anak muda mencipta ekonomi lebih baik.

**Apa pandangan Datuk terhadap Kukup dalam ruang lingkup ekonomi?**

Kukup merupakan sebuah perkampungan berasaskan pertanian, ramai masyarakatnya menjalankan aktiviti pertanian sara hidup dan nelayan. Masa berubah sehingga ada pembangunan industri di kawasan Tanjung Bin (Tanjung Bin Energy Power Plant) dikelolakan Malakoff Corporation Berhad dan ATB Oil Terminal Tanjung Bin. Ia memberi kesan positif kepada pembangunan ekonomi di Kukup. Pembangunan persekitaran kampung yang berhampiran kawasan industri sudah tentu mendapat limpahnya terutama dari segi peluang pekerjaan dan pembangunan jaringan jalan raya. Namun begitu limpahan ini tidak menyeluruh tetapi sebagai pemangkin untuk bergerak lebih pantas setanding dengan industri. Kukup juga mempunyai Taman Negara Tanjung Piai dan Taman Negara Pulau Kukup, sebagai Kawasan Tanah Lembab Sedunia (Ramsar Site) dan Tanah Penghujung Benua Asia, sedikit sebanyak membantu meningkatkan sumber ekonomi masyarakat kampung. Dengan adanya ikon-ikon menarik ini masyarakat mengubah ekonomi daripada bergantung kepada pertanian dan beralih arah ke bidang pelancongan dengan membina restoran, inap desa dan menyediakan aktiviti ekopelancongan. Sebagai pintu masuk negara dengan adanya terminal Kukup telah menerima ramai pelancong dari Indonesia.

Masyarakat terus membangun dan berkembang dari generasi ke generasi sudah tentu golongan muda lebih ramai, sebahagian kecil mereka mewarisi kehidupan tradisional keluarga, sebahagian



JEFRIDIN (tengah) ketika menyampaikan Bantuan Kasih Johor kepada mereka yang memerlukan di Kukup, Johor.

# CABARAN TANGANI HIJRAH ANAK MUDA

lagi mendapat pendidikan di luar kampung dan terus bekerja di luar dan ada juga kumpulan anak muda yang tinggal di kampung halaman mereka. Kumpulan ini amat memerlukan pekerjaan dan tempat tinggal. Sebagai wakil rakyat saya sentiasa mengusahakan agar ada kediaman mampu milik yang mereka kehendaki. Begitu juga peluang pekerjaan, banyak usaha yang dibuat bagi memastikan anak muda diberi peluang bekerja di kawasan industri Tanjung Bin. Dengan industri kecil dan sederhana (IKS) ia memberi ruang untuk anak muda berkecimpung dalam ekonomi. Program Sejati MADANI yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim banyak memberi peluang ekonomi terutamanya anak-anak muda di Kukup. Menerusi Teras Maju Johor 2030 juga memberi perhatian kepada Orang Muda Johor (OMJ) dalam pelbagai bidang.

**Bagaimana Datuk melihat penghijrahan ramai anak muda bekerja di negara jiran?**

Penghijrahan anak muda bekerja di negara jiran (Singapura) bukanlah perkara baru. Ia berlaku seawal 70-an kerana dari aspek jarak, tawaran gaji dan pekerjaan menyebabkan mereka memilih bekerja di sana. Tambahan pula dengan pembukaan Jambatan Sungai Pulai pada awal tahun ini telah memendekkan perjalanan dari Kukup ke jambatan kedua Singapura, lebih kurang 30 minit. Mereka ini berulang-alik setiap hari ke Singapura, kesesakan di Tambak Johor setiap pagi merunsingkan



Johor dan Singapura. Pelbagai usaha dilakukan kerajaan untuk memberi penyelesaian dengan membaiki kualiti pengurusan di Tambak Johor. Dengan adanya perancangan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura sudah tentu dapat mengawal penghijrahan anak-anak muda ke Singapura, mereka sudah tentu diberi peluang bekerja di kampung mereka sendiri dengan terlaksananya zon ekonomi khas nanti. Kukup antara daerah yang disenaraikan di dalam zon ekonomi khas ini.

**Apa aspirasi anak muda dalam bidang politik pada pandangan Datuk?**

Anak muda mempunyai peluang menggantikan pemimpin sedia ada. Bagi menjamin mereka mempunyai wadah perjuangan yang kita inginkan, mereka perlu dibimbing dan dilatih dengan sempurna. Pada masa ini banyak rangkaian disediakan untuk memberi pendedahan awal kepada mereka. Ini termasuk Perintis Parlimen Belia dan Dewan Muda Johor untuk menyediakan pemimpin masa depan berkualiti. Anak muda ini perlu

dibekalkan dengan pengalaman dan ilmu sebelum melangkah ke dunia sebenar. Sebagai contoh Johor telah memberi peluang calon-calon pilihan raya yang lepas majoritinya adalah bawah 40 tahun, mereka ini masih muda dan bertenaga dari segi idea dan usaha.

**Dalam DUN Kukup, apa masalah utama perlu Datuk selesaikan sewajarnya?**

Saya meletakkan *tagline* #KitaJagaKukup supaya masyarakat sama-sama mempunyai tanggungjawab, saya tidak boleh melaksanakan kerja bersendirian tanpa ada rasa tanggungjawab bersama. Kukup adalah milik semua warganya. Sistem pentadbiran di dalam kawasan Kukup perlu diaktifkan seperti pentadbiran daerah, penghulu, ketua kampung, ketua masyarakat dan komuniti. Dengan bantuan semua, masalah rakyat dapat diselesaikan dengan sempurna, walaupun tidak dapat memenuhi keperluan semua orang. Fokus utama saya adalah kebajikan mereka, memastikan tiada rakyat yang terlantar kebuluran tanpa disantuni. Kerajaan Johor banyak membantu masyarakat dari aspek bakul makanan, dapur kasih yang disampaikan setiap bulan bagi mereka yang terpilih. Kemudahan seperti jaringan jalan raya dan kemudahan awam juga sentiasa diberi perhatian sewajarnya.

Saya sedang mengusahakan supaya lebih banyak Rumah Mampu Milik dibina di Kukup. Usaha-usaha untuk menambah

pendapatan masyarakat juga dirancang dan dilaksanakan terutamanya pengusaha IKS, dari aspek bantuan menggalakkan mereka membesarkan perniagaan. Kukup amat memerlukan sebuah pasar raya supaya membolehkan pengusaha IKS memasarkan produk mereka dan menggalakkan kehadiran pelancong. Kukup juga masih memerlukan kawasan padang permainan untuk anak muda melakukan aktiviti mereka. Saya juga sedang mengusahakan supaya projek-projek sakit dan terbengkalai diselesaikan secepat mungkin.

**Ramai pihak yang mempolitikkan isu pertukaran cuti Sabtu, Ahad. Bagaimana Datuk melihat isu ini?**

Satu ketika dulu Johor pernah bercuti pada Sabtu dan Ahad. Saya tidak melihat ia isu besar kerana kerajaan negeri berpengalaman dalam kedua-dua keadaan. Johor ingin terus membangun dan selari dengan Kerajaan Pusat dan Singapura yang bercuti Sabtu dan Ahad. Banyak perkara positif dapat diselesaikan dengan keadaan cuti yang baru. Insya-Allah lamakelamaan rakyat Johor dapat menerimanya dengan baik.

**Setakat ini apakah sudah terlaksana janji-janji sepanjang kempen dalam pilihan raya sebelum ini?**

Sepanjang kempen PRN Johor, kerajaan Barisan Nasional (BN) menyenaraikan Ikhtiar BN disifatkan satu naratif yang berupaya menjadi kunci membawa kepada kestabilan ekonomi dan politik di negeri Johor. Ia bersandarkan lima teras utama iaitu kemajuan ekonomi, kesejahteraan rakyat, ikhtiar khusus untuk OMJ, membudayakan pentadbiran berintegriti dan ikhtiar untuk melaksanakan reformasi politik. Kebanyakan ikhtiar yang digariskan menerusi mekanisme Teras Maju Johor untuk mencapai Johor Maju 2030 kebanyakannya berjaya digerakkan secara berterusan.

Aspek kesejahteraan rakyat terus dijaga dan disantuni. Pejabat DUN sendiri telah menubuhkan Unit Jaringan Amal untuk membantu masyarakat secara berterusan dengan program bakul makanan, katil hospital, kerusi roda dan pelbagai peralatan yang diperlukan oleh pesakit. Aspek ekonomi diberi perhatian dengan menggalakkan pengusaha IKS, membantu perniagaan secara dalam talian dan mengadakan program yang boleh menambah ekonomi masyarakat.

Peluang-peluang baru untuk mencetus ekonomi dijalankan seperti ekopelancongan, pentadbiran DUN juga banyak memberi fokus kepada orang muda, mencungkil bakat anak-anak muda di bidang permainan sukan dan *online* seperti e-game dan bidang sukan permotoran. Setiap tahun pejabat DUN mengadakan Festival D'kukup yang menyediakan platform anak muda dan peniaga-peniaga IKS. Festival D'Kukup 2.0 telah mendapat pengiktirafan pihak Tourism Johor agar Festival D'Kukup akan dimasukkan dalam jadual pelancongan setiap tahun. 

Dua acara berprestij peluang tingkat imej KL

# 2025 SIFAR JALAN BERLUBANG

AZLAN ZAMBRY

**D**ATUK Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** mengharapkan tahun 2025 dengan menyasarkan sifar *pothole* di jalan raya sekitar Kuala Lumpur.

Katanya, dengan dua acara berprestij iaitu Tahun Kepengeruisan ASEAN 2025 dan disusuli Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2026, pihaknya perlu meningkatkan kemudahan awam itu untuk kesesuaian pengguna.

"Saya boleh katakan untuk meletakkan sasaran itu kerana dua acara itu boleh meningkatkan imej negara di persada antarabangsa.

"Justeru itu, DBKL perlu mengambil peluang untuk memperindahkan jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur bagi menghadapi dua acara berkenaan," katanya semasa sidang media selepas Majlis 100 Hari Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Belanjawan DBKL 2025 di ibu negara pada Khamis.

Beliau berkata, menerusi Belanjawan DBKL 2025, pihaknya telah memperuntukkan RM269.3 juta bagi menyelenggara dan membangunkan jalan raya dengan anggaran 2,109 kilometer panjang jalan raya dan 182 cerun yang perlu


disenggara oleh DBKL, merangkumi RM187.1 juta di bawah peruntukan mengurus dan RM82.2 juta di bawah peruntukan pembangunan.

"Kita menyediakan sejumlah besar peruntukan ini untuk penyelenggaraan seperti lalu lintas, lampu jalan, pengurusan sistem trafik, sistem lampu isyarat dan penambahan kamera litar tertutup (CCTV).

"Ini juga termasuk dengan apa yang kami sediakan untuk membaiki pulih jalan raya dan saya telahpun meletakkan satu tanda aras, untuk buat *zero pothole* di Kuala Lumpur. Kita cuba sedaya upaya untuk melaksanakannya," katanya.

Maimunah berkata, pihaknya mesti mempunyai hala tuju khususnya melibatkan penyelenggaraan jalan raya dari aspek pelebaran dan pembesaran jalan dan juga lalu lintas.

"Kami juga ingin meningkatkan lagi pengangkutan awam seperti GoKL dan menyediakan laluan khusus untuk bas.

"Inilah usaha kami dan cuma kami bercadang juga tetapi masih lagi dalam kajian dari segi penyuraian lalu lintas di dalam bandar raya yang akan diumumkan oleh Menteri Pengangkutan," katanya. 



**MAIMUNAH** (tengah) berazam untuk menjadikan jalan raya di seluruh Kuala Lumpur dalam keadaan yang terbaik sekaligus dapat menerima delegasi antarabangsa sempena Kepengeruisan ASEAN dan tahun Melawat Malaysia 2026.

## Lestari Niaga@Kuala Lumpur diteruskan

**PROGRAM** Lestari Niaga@Kuala Lumpur yang merupakan salah satu fokus keutamaan di bawah Komuniti Inklusif akan diteruskan.

Bercakap mengenai perkara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Shariff** menyatakan bahawa pihaknya komited untuk meneruskan program berkenaan yang bertepatan dengan usaha untuk meningkatkan golongan peniaga dan penaja kecil di Kuala Lumpur.

"Untuk pembangunan penaja dan peniaga kecil di Kuala Lumpur, sejumlah RM26.9 juta disediakan di bawah peruntukan mengurus yang sebahagian besarnya meliputi kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih bangunan serta pengurusan bazar perayaan.

"Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah RM32 juta disediakan bagi pembangunan, pembinaan serta naik taraf pasar dan pusat penaja di seluruh kawasan Kuala Lumpur," katanya dalam Belanjawan DBKL 2025 Khamis lalu.

Maimunah berkata, antara intipati utama bagi sektor ini adalah bagi projek pembangunan semula Pasar Jalan Raja Bot yang melibatkan empat fasa pembangunan yang bermula pada



**MEDAN** Selera di sekitar Kuala Lumpur akan berubah wajah menerusi Program Lestari Niaga@Kuala Lumpur.

8 Mei 2014 dengan jumlah kos keseluruhan projek adalah RM125.8 juta.


"Fasa 1 telah siap sepenuhnya pada April 2016 dan telah sepenuhnya beroperasi dengan menempatkan 180 peniaga. Manakala bagi fasa 2, ia telah disiapkan pada Februari 2024 dan mula beroperasi Mac 2024 dengan jumlah 505 peniaga.

"Fasa 3 pula masih di dalam pelaksanaan pembangunan dan dijangka siap pada Julai 2026," katanya.

Tambah Datuk Bandar, untuk

tahun 2025 sejumlah RM15 juta telah diperuntukkan di bawah peruntukan pembangunan bagi fasa 3 ini.

Kata Maimunah lagi, selain Pasar Raja Bot, Projek Pembangunan Bazaria Genting Klang juga adalah salah satu projek mega yang akan memberi manfaat kepada kumpulan peniaga dan penaja di Kuala Lumpur.

"Projek ini mula dibangunkan pada 6 Julai 2017 dengan nilai kos RM69.9 juta dan dijangka beroperasi pada awal 2025 dengan jumlah peruntukan RM3.5 juta," katanya. 

## Daya penarik untuk industri kreatif


**AKTIVITI** dan program kebudayaan, kesenian dan sukan adalah penting bagi perkembangan fizikal dan minda warga kota di samping mengukuhkan semangat kemasyarakatan, kata **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Shariff**.

Jelas Datuk Bandar Kuala Lumpur itu, bandar raya Kuala Lumpur perlu membangun sebagai satu entiti moden dengan identiti dan imej tersendiri yang kaya dengan warisan, seni dan budaya yang menjadi kebanggaan warga kota dan negara.

"Sejajar dengan itu, DBKL dengan kerjasama Khazanah Nasional Bhd dan Think City Sdn Bhd akan membangunkan

Daerah Budaya dan Kreatif Kuala Lumpur (*KL Creative and Cultural District, KLCCD*) di sekitar Kompleks Bangunan Sultan Abdul Samad dan Dataran Merdeka.

"KLCCD adalah kawasan pusat bandar yang dihidupkan sebagai pusat kreatif dengan menjadi daya penarik untuk industri kreatif dan dalam masa yang sama akan membuka peluang pekerjaan kepada warga kota," katanya ketika membentangkan Belanjawan DBKL 2025 pada Khamis.

Dalam usaha mencapai sasaran berkenaan, pihaknya memperuntukkan RM11.3 juta menerusi peruntukan mengurus tahun 2025. 





DIANA AMIR

**P**ENDIDIKAN sama ada secara formal atau tidak formal adalah salah satu teras utama dalam pembinaan sebuah masyarakat MADANI yang adil dan saksama.

Justeru itu, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) terus komited dalam melaksanakan program pendidikan dan juga kebajikan untuk seluruh warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang memerlukan.

Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), **Ismadi Sakirin** berkata dalam memastikan objektif tersebut dicapai, pihak DBKL bekerjasama dengan YWP bagi menganjurkan program motivasi diri sebagai usaha membentuk jati diri serta memupuk nilai-nilai positif dalam kalangan pelajar.

“Program seumpama ini dilaksanakan untuk warga Kuala Lumpur, bagi membentuk generasi pelapis yang bijak, berdaya tahan serta mempunyai nilai-nilai kepimpinan, walaupun sejak dari kecil.

“Seramai 80 pelajar terpilih dari sekolah menengah di sekitar Kuala Lumpur yang menyertai program ini selama tiga hari dua malam pada 13 hingga 15 Disember lalu bertempat di Dusun Akin Resort, Hulu Langat.

“Pelbagai aktiviti diadakan seperti beriadah, pengisian kerohanian, sesi tazkirah, latihan disiplin, *night walk*, latihan kepimpinan dan banyak lagi bagi membina jati diri dalam jiwa setiap peserta,” katanya ketika berucap merasmikan Majlis Penutup Program Motivasi Siri 3 Yayasan Wilayah Persekutuan baru-baru ini.

Ismadi berkata, DBKL sentiasa menyokong program yang dijalankan YWP sama ada dari



ISMADI (tiga kiri) menyampaikan hadiah kepada wakil pasukan yang berjaya memenangi pertandingan dianjurkan.

Program pendidikan YWP

# BENTUK GENERASI PELAPIS BIJAK

segi kewangan, bantuan atau lain-lain dalam sama-sama membantu anak-anak yang juga merupakan pelapis pemimpin masa akan datang untuk cemerlang dalam pendidikan khususnya.

“Perlu diingatkan bahawa cabaran di Kuala Lumpur adalah berbeza berbanding yang tinggal di kampung dan cabaran untuk generasi kini juga sangat berbeza berbanding dahulu, justeru itu,

saya mengharapkan para peserta terutamanya dapat bersedia dari segi pengetahuan dan kepimpinan untuk menjadi pemimpin yang baik pada masa akan datang.

“Di peringkat YWP juga perlu


memberi penekanan terhadap aspek pendidikan supaya semua pihak khususnya anak-anak warga kota mendapat pendidikan sama taraf dan tiada golongan yang tercicir.

“Semoga dengan adanya program motivasi ini dapat membuat para peserta sentiasa bersemangat untuk membantu diri sendiri, keluarga, rakan-rakan dan masyarakat pada masa akan datang. Saya juga faham mungkin ada yang lemah pendidikan tetapi kita di Kuala Lumpur ini masih banyak ruang dan peluang untuk membangunkan potensi diri.

“Mungkin ada yang kelebihannya adalah kemahiran jadi cari jalan untuk ke arah itu kerana banyak inisiatif telah diberikan oleh pihak kerajaan. Jangan mudah berputus asa,” ujarnya.

Tambahnya, YWP mempunyai 16 jenis skim bantuan untuk warga Wilayah Persekutuan yang susah dan memerlukan bantuan merangkumi hal ehwal pendidikan, kebajikan, bencana, sosioekonomi dan usaha meningkatkan penguasaan teknologi.

“Skim-skim bantuan ini juga disokong oleh DBKL, agensi-agensi kerajaan dan pelbagai syarikat korporat. Maka itu, YWP akan teruskan usaha menyantuni rakyat yang memerlukan,” katanya.

Hadir sama Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, Muhammad Khairil Khalid; Pengurus Kanan Jabatan Pembangunan Komuniti, Komunikasi Strategik & IT YWP, Datin Dr Ida Harlina Ikhwan Nasir; Presiden Majlis Belia Wilayah Persekutuan, Khairul Rizam Abu Samah; Pengarah Urusan Akademi Profesional Azzahra, Mior Azman Mohamed Ramli dan Pengarah Urusan Kem Dusun Akin Resort, Datuk Mustafa Mohamad. 

## Perkasa kreativiti golongan muda

**DALAM** usaha memperkasa kreativiti generasi muda, Balai Seni Negara (BSN) menganjurkan dua buah program bertempat di GMBB, Kuala Lumpur bermula 14 Disember lalu.

Balai Seni Negara dalam kenyataannya memaklumkan program tersebut adalah Sayembara Lukisan: Karya Agung Cetusan Bakat Mahasiswa dan Program Young Art Entrepreneurs (YAE!).

“Program Sayembara Lukisan: Karya Agung Cetusan Bakat Mahasiswa adalah inisiatif BSN yang bertujuan mengangkat seni sebagai medium untuk memelihara dan menghayati warisan sastera, sekaligus memperkukuh identiti budaya negara.

“Program ini tercetus daripada seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menyeru masyarakat untuk bersamasama menghargai naskah sastera sebagai alat pendidikan, pembangunan jati diri dan



SEKITAR majlis perasmian dua program BSN yang diadakan baru-baru ini.

pengukuhan nilai kemanusiaan.

“Selain itu, program ini juga bertujuan mendorong generasi muda untuk lebih terlibat dalam bidang sastera sambil menjadikan sastera sebagai wadah penyatuan pelbagai lapisan masyarakat. Usaha ini adalah langkah penting dalam

memperkasa budaya dan seni tanah air agar terus relevan dan dihargai oleh semua pihak,” katanya.

Tambahnya, program ini memberi tumpuan kepada penghasilan karya seni visual yang diinspirasi daripada naskah agung sastera seperti novel klasik juga cerpen

karya sasterawan terkemuka dan bermatlamat mempromosikan bidang seni dan sastera secara serentak, serta menggalakkan kreativiti dan inovasi pelajar dalam mempersembahkan interpretasi seni yang mendalam.


Sementara itu, Program YAE! kohort ke-10 menampilkan 17 peserta dengan tema ‘Generation: Artpreneur’, yang menggabungkan seni dan keusahawanan sebagai aspirasi kepada generasi muda yang kreatif dan inovatif.

“Tema ini mencerminkan pendekatan segar dalam usaha melahirkan usahawan seni yang berdaya saing.

“Sepanjang pelaksanaannya, para peserta didedahkan dengan asas keusahawanan, kaedah pengurusan projek, teknik promosi dan pemasaran, kaedah membina ‘Business Model Canvas’ yang betul, dilatih untuk membangunkan produk dan perkhidmatan mereka mengikut kesesuaian pasaran seni dengan bimbingan pakar

keusahawanan serta pakar industri,” ujarnya.

Jelasnya lagi kedua-dua program ini bukan sahaja bertujuan mempromosikan seni malah turut membuka peluang untuk penghayatan sastera, sekaligus menjadi platform yang signifikan dalam memperkasa kreativiti generasi muda serta menyediakan ruang untuk mereka menjana idea baharu, membina jenama yang kukuh dalam ekosistem seni dan menghasilkan karya dan produk bermutu tinggi.

Orang ramai dijemput hadir untuk menghayati keindahan seni dan sastera menerusi Sayembara Lukisan: Karya Agung Cetusan Bakat Mahasiswa bermula 14 Disember 2024 sehingga 31 Januari 2025 serta melawat pameran akhir YAE! - Generation: Artpreneur bermula 14 hingga 22 Disember 2024 setiap hari, bermula pukul 11 pagi hingga 8 malam. Untuk maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi BSN di [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my). 



Bil 294 . 27 DISEMBER 2024 - 2 JANUARI 2025

*Tingkatan kesedaran*  
**CEREBRAL  
PALSY**

# GAPS DIDIK KOMUNITI CEREBRAL PALSY

SABRINA SABRE

**T**ERDAPAT pelbagai stigma dan salah faham masyarakat tentang kondisi Palsi Serebrum atau Cerebral Palsy (CP). Apabila terjumpa seseorang yang mempunyai ahli keluarga CP, tentu banyak perkara dan persoalan yang bermain di minda anda.

Bertitik tolak daripada kasih sayang terhadap anak perempuannya yang juga mengalami CP, Izdihar Janna, 19, **Rafidah Rafizah Ahmad** telah mewujudkan komuniti sokongan untuk ibu bapa dan individu CP di Malaysia dalam menghadapi cabaran membesarkan anak CP dan menjalani kehidupan sebagai individu CP.

Selain menjadi ibu yang penuh dedikasi, beliau merupakan Pengasas Gabungan Anak-Anak Palsi Serebrum (GAPS), sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang bertujuan mendidik dan memperkasakan komuniti CP di Malaysia.

Beliau menubuhkan organisasi tersebut dengan matlamat untuk mencipta peluang buat individu CP serta memberi inspirasi dan meningkatkan kesedaran tentang ketidakupayaan fizikal ini dalam kalangan keluarga dan masyarakat umum.

Selain itu, GAPS sentiasa merancang dan menganjurkan pelbagai program, secara dalam talian dan luar talian, meliputi pelbagai bidang. Di mana mungkin, GAPS juga menjalinkan kerjasama pintar untuk menggalakkan penglibatan sosial komuniti dan korporat.

Rafidah berkongsi perjalanannya sebagai seorang advokat bermula pada tahun 2005 ketika beliau melalui kehamilan yang mencabar dan melahirkan seorang bayi perempuan pramatang.

Bersama suaminya, Adzly Anuar, seorang pensyarah di universiti tempatan, mereka menyedari bahawa anak perempuan mereka lambat mencapai perkembangan keupayaan fizikal.

“Pada masa itu, saya tidak dapat menemui banyak maklumat di Internet kerana saya tidak tahu apa, di mana atau siapa yang patut saya tanya mengenai keadaannya.

“Ketika berusia empat tahun, Janna didiagnosis dengan CP, satu kondisi neurologi yang berpunca daripada kecederaan pada otak kanak-kanak yang sedang berkembang yang boleh berlaku sama ada semasa dalam kandungan, semasa kelahiran, selepas lahir atau pada peringkat awal kehidupan.

“Janna menjadi inspirasi saya. Dan saya percaya, dengan kemampuan dan minat, saya boleh melakukan lebih daripada sekadar membantu dia seorang,” katanya.

## INTERVENSI DAN SOKONGAN

WALAU PUN CP adalah ketidakupayaan fizikal yang paling biasa dalam kalangan kanak-kanak, Rafidah yakin dengan intervensi dan sokongan yang betul, komplikasi akibat CP dapat dikurangkan.

“Ini membolehkan individu CP menjadi lebih berkemampuan, mencapai potensi mereka dan menyumbang kepada masyarakat.

“Menyedari kekurangan maklumat tempatan tentang CP, saya memutuskan untuk membantu ibu bapa lain yang mungkin merasa keseorangan dalam perjalanan mereka.

“Saya mula mencipta group di Facebook dan selepas itu sebuah kumpulan komuniti. Tetapi apabila kumpulan itu semakin berkembang, saya ingin melakukan lebih banyak untuk memperkasakan komuniti CP secara menyeluruh, bukan hanya ibu bapa,” ujarnya.

Oleh itu, pada Oktober 2016, Rafidah menubuhkan GAPS yang menyediakan maklumat, sumber dan sokongan emosi untuk keluarga serta menjalankan kempen kesedaran CP untuk masyarakat umum.

“GAPS meningkatkan kesedaran tentang CP kepada masyarakat dan berfungsi sebagai medium atau pusat rangkaian untuk mendidik dan menyebarkan pengetahuan, berita serta maklumat.

“Ia juga menyediakan platform untuk perbincangan terbuka dan tidak formal serta pertemuan dan aktiviti secara bersemuka.

“Kumpulan Facebook GAPS menawarkan sokongan sosioemosi kepada ahli-ahlinya untuk bersama-sama berkongsi maklumat, pengalaman, galakan, keselesaan, strategi menghadapi cabaran, inspirasi serta membina rasa komuniti dan pemberdayaan,” ujarnya.

## IMPIAN MASA DEPAN

DALAM masa sama, Rafidah berkata impiannya adalah melihat Janna menjadi individu yang mampu mengambil alih peranan advokasi dalam GAPS.

“Sementara itu, matlamat saya untuk GAPS adalah menjadi pemain utama, pemangkin perubahan dan suara kepada komuniti CP secara keseluruhan.

“Kesedaran tentang ketidakupayaan ini masih rendah di Malaysia bukan sahaja dalam kalangan masyarakat tetapi juga ibu bapa kepada anak-anak dengan CP.

“Saya berharap masyarakat dapat mendidik diri tentang CP, memastikan individu tersebut dilibatkan dalam aktiviti harian dan tidak menyalahgunakan kemudahan awam yang dikhaskan



RAFIDAH bersama anaknya, Janna.

untuk golongan orang kurang upaya (OKU),” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau juga

menyeru orang ramai untuk menyumbang kepada GAPS bagi membantu mereka menjadi pusat

sumber sehati untuk semua keluarga yang mempunyai anak dengan CP di Malaysia. 📞

## CEREBRAL PALSY Bagaimana menjelaskan tentang CP kepada kanak-kanak?

### SERUPA

Jelaskan bahawa kanak-kanak CP adalah sama seperti orang lain, cuma mereka mungkin perlu melakukan perkara yang sama dengan cara yang berbeza.

### CABARAN

Terangkan sebaiknya cabaran-cabaran yang dihadapi oleh individu CP dengan menggunakan contoh-contoh mudah yang boleh dikaitkan dalam situasi biasa. Contohnya kebolehan bersiul - mudah dilakukan oleh sesetengah orang tetapi ada yang tidak boleh melakukannya. Begitu juga dengan bertutur - amat mudah bagi kanak-kanak tipikal tetapi tidak bagi kebanyakan kanak-kanak CP dan mereka terpaksa menggunakan alatan khas dan komputer untuk berkomunikasi.

### SERTAKAN

Galakkan kanak-kanak tipikal untuk melibatkan rakan-rakan CP di dalam aktiviti-aktiviti mereka. Jelaskan bahawa CP tidak berjangkit dan cumalah satu kondisi yang menyebabkan sesetengah orang lebih susah untuk melakukan fungsi asas dalam aktiviti harian.



# Elak stigma denial syndrome

**GOLONGAN** ibu bapa disarankan untuk mengelakkan sikap 'denial syndrome' apabila berdepan dengan cabaran anak-anak mereka. Sikap ini hanya akan melambatkan proses intervensi yang sangat penting untuk membantu anak-anak mencapai potensi terbaik mereka.

Sebagai seorang bapa kepada anak yang menghidap Cerebral Palsy (CP), **Muhammad Afif Mifzal Mohd Fahrizzuddin** berkata, setiap anak adalah anugerah yang unik dan perlu diterima dengan hati terbuka.

"Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Sebagai ibu bapa, sudah tentu kita mahukan yang terbaik untuk anak-anak tetapi cabaran yang hadir ini juga membawa hikmah yang mendalam.

"Ibu bapa perlu segera membawa anak-anak untuk pemeriksaan awal kerana semakin cepat masalah dikenal pasti, semakin besar peluang untuk intervensi berjaya," katanya yang juga bapa kepada Muhammad Aryan Mikail.

Kongsinya, realiti yang dihadapi

keluarga yang mempunyai anak CP antaranya adalah kos terapi dan perubatan yang tinggi, kekurangan pusat sokongan khusus serta aksesibiliti yang terhad ke kemudahan awam dan pendidikan inklusif.

"Kami berusaha sedaya upaya menyediakan terapi seperti fisioterapi, terapi saraf dan berenang. Pemakanan Aryan juga kami kawal dengan rapi berdasarkan nasihat pakar. Semua ini memerlukan komitmen dan sumber kewangan yang mencabar, tetapi kasih sayang kami untuk Aryan menjadi kekuatan," katanya.

Beliau percaya setiap anak CP mempunyai potensi besar jika diberi peluang.

"Sebagai contoh, jika anak berminat dengan muzik, berikan mereka alat muzik. Jika mereka berbakat dalam seni, sediakan kelengkapan yang sesuai. Minat mereka boleh dikembangkan melalui program intervensi khas," katanya.

Di samping itu, Muhammad Afif turut menekankan bahawa pendidikan inklusif adalah hak

setiap kanak-kanak CP.

"Pendidikan awal amat penting, tetapi kita juga perlu realistik dengan kemampuan mereka. Jangan memaksa, tetapi cuba dedahkan mereka kepada pelbagai perkara untuk melihat perkembangan mereka dari semasa ke semasa," tambahnya.

Beliau juga menyeru masyarakat untuk lebih memahami penyakit CP dan menghapuskan stigma negatif terhadap golongan ini.

"Mereka adalah insan seperti kita yang punya hati dan perasaan. Mereka layak disayangi dan dihormati. CP bukan penyakit berjangkit dan lebih penting, CP bukan cacat minda. Sebaliknya, cabaran mereka adalah fizikal, tetapi potensi intelektual mereka tidak terjejas," katanya.

Dalam masa sama, beliau turut menggesa masyarakat dan pihak berkepentingan seperti badan bukan kerajaan (NGO) dan kementerian untuk meningkatkan kesedaran serta sokongan.

"Banyak NGO dan institusi masih kurang memahami keperluan sebenar keluarga yang mempunyai

anak CP. Latihan untuk guru, penjaga dan masyarakat sangat penting agar mereka dapat membantu kanak-kanak CP berkembang dengan baik," katanya.

Beliau turut mencadangkan beberapa langkah untuk meningkatkan sokongan kepada golongan CP.

"Antaranya adalah polisi pendidikan inklusif. Pastikan kanak-kanak CP mendapat akses pendidikan yang sama rata.


"Selain itu, bantuan kewangan dan terapi. Perluaskan rangkaian bantuan melalui kerajaan dan NGO serta mewujudkan fasiliti mesra CP dengan menyediakan kemudahan awam yang lebih inklusif dan mesra pengguna.

"Akhir sekali adalah melaksanakan kempen kesedaran nasional dengan menghapuskan stigma melalui program pendidikan dan pendedahan," katanya.

Katanya sebagai seorang bapa,



beliau hanya mahu Aryan dihargai, diterima dan diberi peluang untuk menjadi versi terbaik dirinya.

"Saya mahu dia membesar dengan bahagia, berdikari dan yakin bahawa dia juga mempunyai peranan penting dalam dunia ini," katanya. 

## Senarai individu berjaya yang menghidap CP

### 1. RJ MITTE

Roy Frank RJ Mitte seorang pelakon yang terkenal dengan watak sebagai Walter Flynn White Jr yang mengalami Cerebral Palsy (CP) dalam rancangan *Breaking Bad*. Di dunia realiti, Mitte telah didiagnosis CP pada usia tiga tahun namun dengan senaman yang kerap, dia tidak lagi memerlukan tongkat untuk bergerak. Dia dikenali sebagai individu yang lantang memberi kesedaran tentang CP selain turut bergelar duta United Cerebral Palsy.

### 2. MAYSOON ZAYID

Zayid merupakan pelawak, penulis dan pelakon wanita pertama penghidap CP yang berjaya dalam industri hiburan Amerika. Jasanya sangat besar kerana membantu mendidik orang ramai tentang CP dengan cara yang lucu dan berkesan.

### 3. DAN KEPLINGER

Merupakan seorang artis terkenal yang menghidap CP. Minatnya terhadap seni bermula apabila guru sekolah menengah menggalakkannya untuk mengekspresikan dirinya melalui seni. Dokumentari tentang hidupnya, *King Gimp*, berjaya memenangi Anugerah Oscar.

### 4. BONNER PADDOCK

Beliau merupakan ahli perniagaan California dan dermawan yang menghidap CP serta menjadi individu pertama berjaya mendaki Gunung Kilimanjaro tanpa bantuan sekaligus mendapat gelaran Kona Ironman. Selain itu, Paddock juga merupakan seorang penulis dan aktivis yang membangunkan badan amal untuk kanak-kanak yang mengalami masalah kecacatan.

### 5. DR JANICE BRUNSTROM-HERNANDEZ

Berpengalaman sebagai penghidap CP, beliau membuktikan penyakit tersebut bukan penghalang untuk mencapai cita-cita. Kini beliau merupakan Pakar Neurologi Pediatrik dan Pengarah 1 CP Place, PLLC, sebuah klinik yang diasaskan pada 2015 di Plano Texas untuk membantu kanak-kanak yang mengalami CP menjalani kehidupan yang lebih baik.

## Rawat penyakit secara efektif

**DIANGGARKAN** dalam 1,000 kelahiran, sekurang-kurangnya dua bayi menghidap Cerebral Palsy (CP) iaitu kecacatan otak atau otot yang paling lazim dalam kalangan kanak-kanak.

CP akan menyebabkan penghidap berdepan masalah pergerakan kerana otot gagal berfungsi dengan baik akibat kecederaan pada otak.

Sebanyak 10 hingga 15 peratus penyakit CP atau kelumpuhan otak terjadi akibat cedera sewaktu kelahiran dan juga disebabkan kekurangan aliran darah ke otak sebelum, semasa dan selepas bayi dilahirkan.

Menurut Pakar Perunding Perubatan Rehabilitasi, **Dr Chern Phei Ming**, bayi pramatang berisiko tinggi mendapat CP disebabkan saluran darah ke otak masih belum berkembang secara sempurna dan mudah mengalami pendarahan atau kerana tidak dapat mengalirkan oksigen yang mencukupi ke otak.

"Kecederaan pada otak juga boleh disebabkan oleh kadar bilirubin yang tinggi di dalam darah yang sering ditemui pada bayi baru lahir yang boleh menyebabkan kernikterus di bahagian otak.

"Penyakit serius akan berlaku pada tahun pertama kehidupan bayi antaranya jangkitan pada tisu otak seperti 'Ensefalitis', 'Meningitis', jangkitan darah yang teruk, trauma dan dehidrasi yang teruk sehingga boleh mengakibatkan kecederaan pada otak bayi.

"Pada kebiasaannya CP berlaku

disebabkan kecederaan otak yang terjadi sewaktu bayi masih dalam kandungan atau ketika proses bersalin malah ada juga yang terjadi selepas bayi baru lahir.

"Ia juga boleh terjadi pada kanak-kanak berumur kurang dari lima tahun sewaktu otak mereka sedang berkembang namun kebanyakan penyebabnya tidak diketahui.



**PHEI MING**

"Tanda-tanda gejala CP ini boleh dikesan sebelum anak berumur dua tahun dan bagi kes yang teruk, boleh dikesan seawal umur tiga bulan. Bagaimanapun gejalanya berbeza-beza sama ada gejala ringan sehinggalah yang teruk menyebabkan ketidakupayaan kognitif (keupayaan minda) dan boleh menyebabkan kanak-kanak itu terlantar atau memerlukan kerusi roda untuk bergerak," ujarnya.

Beliau berkata tanda-tanda awal CP adalah kelewatan dalam perkembangan awal kanak-kanak seperti tidak dapat mengangkat kepala pada umur tiga bulan, tidak mampu duduk sendiri pada umur sembilan bulan dan mempunyai refleks primitif yang kekal melewati umur yang sepatutnya hilang.

"Selain itu, antara tanda-tanda lain adalah seperti postur atau posisi tubuh badan yang luar biasa seperti ketegangan otot, badan membengkok ke belakang dan anggota kaki menyilang antara satu sama lain.

"Penyakit CP adalah penyakit yang tidak dapat disembuhkan,


tetapi pemulihan fungsi masih dapat dilakukan agar kanak-kanak berkenaan boleh berdikari dan rawatan yang dijalankan bergantung kepada gejala CP antaranya rawatan fisioterapi, memakai cermin mata, memakai alat bantuan pendengaran dan latihan pertuturan," ujarnya.

Phei Ming berkata, terdapat banyak punca yang boleh menyebabkan CP dan boleh berlaku pada bayi yang masih dalam kandungan.


"Punca lain termasuk ketika bayi dilahirkan, bayi pramatang, jaundice, jangkitan kuman, strok, genetik atau kerana kekurangan oksigen.

"CP juga mengakibatkan penghidap berdepan masalah sama ada penglihatan, pendengaran, pembelajaran, pertuturan dan sawan berikutan otak gagal berfungsi dengan baik. Bagaimanapun, kecederaan berlaku pada otak tidak merebak dan hanya kekal di bahagian itu sehingga kanak-kanak dewasa.

"Lima tahap CP dan diklasifikasikan menerusi Gross Motor Function Classification System (GMFCS). Tahap satu menunjukkan keadaan ringan dan penghidap masih boleh bergerak tanpa pertolongan orang lain. Tahap dua penghidap memerlukan bantuan orang atau peralatan seperti tongkat.

"Tahap tiga sehingga lima pula bergantung kepada keadaan fizikal penghidap kerana ada masih boleh berjalan tetapi menggunakan kerusi roda dan ada memerlukan bantuan kerusi roda sepenuhnya," ujarnya. 

# VARIASI TUMBUH DUNIA



## SYUQQREE DAIN


**T**AMAN Botani Perdana, dahulunya dikenali sebagai Taman Tasik Perdana merupakan satu-satunya taman rekreasi tertua dan terbesar di tengah Kuala Lumpur sejak tahun 1888. Dengan keluasan 220 hektar, setiap pengunjung yang ke sini pasti merasai pengalaman seolah-olah berada dalam hutan hujan tropika kerana kepelbagaian koleksi tumbuhan yang bertaraf dunia.

Berusia 136 tahun, taman ini sentiasa menjadi pilihan utama untuk melakukan aktiviti rekreasi termasuk mengadakan momen penting seperti gambar konvokesyen atau perkahwinan. Terletak berdekatan Taman Burung Kuala Lumpur dan Tugu Negara, orang ramai yang ingin berkunjung boleh menggunakan pengangkutan awam seperti tren komuter laluan Kuala Lumpur atau perkhidmatan transit aliran ringan (LRT).

Taman yang berada di bawah

seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ini dibahagikan kepada sembilan kawasan utama, termasuk Panggung Aniversari, kawasan pokok hutan, laman perdana, taman bunga dan rekreasi. Terdapat juga taman herba yang sentiasa menjadi tarikan pelancong seperti Taman Herba dan Rempah, Taman Rusa, Taman Sunken, Taman Bunga Raya, Taman Orkid dan banyak lagi.

Sebahagian pengunjung yang melawat ke taman ini juga bertujuan untuk mempelajari tentang pelbagai jenis herba dan rempah, serta hutan rimba Malaysia. Mereka boleh melihat pelbagai sampel spesimen herbarium dari taman-taman awam di sekitar Kuala Lumpur.

Salah satu tarikan dan sesuai untuk mencipta gambar kenangan adalah Taman Sunken, dengan landskapnya yang indah dan dihiasi tumbuhan berwarna yang disusun secara geometri. 



IAN



# SENTUHAN FUSION BERASASKAN PES

DIANA AMIR

Foto: SYUQQREE DAIN

Video: HASIF HALIMI

**B**UAT pengguna setia produk makanan Ratu Tumis Rasa Rosz pastinya tidak asing lagi dengan pilihan juadah yang disajikan di Restoran Rasa Rosz. Dibuka sejak setahun lalu, menu berasaskan pes serta sambal yang mendapat sentuhan fusion pasti memberikan pengalaman berbeza kepada setiap pelanggan.

Menurut Cef Eksekutif, **Mohd Azrannuddin Yaakub**, kelainan yang cuba ditampilkan di restoran ini ialah hampir kesemua menu yang ditawarkan adalah hasil olahan daripada pes masakan mereka sendiri.

"Di sini kami lebih kepada produk sendiri. Sebelum wujudnya restoran, Rasa Rosz mengeluarkan pes masakan sendiri, jadi saya bangunkan menu berdasarkan empat pes kami iaitu sup, gulai, asam pedas dan sambal.

"Menggunakan pes tersebut, kami olah untuk masakan menu lain sebagai contoh, pes sup digunakan untuk perapan ayam bakar, gulai kita buat fusion sikit dihidangkan dengan mantao goreng dan banyak lagi," katanya yang mesra dikenali sebagai Cef Bob.

Cef Bob berkata, antara menu yang menjadi tarikan adalah nasi goreng nusantara di mana semua elemen yang dihidangkan adalah *homemade* dan tidak menggunakan bahan *ready to eat*.

"Nasi goreng nusantara ialah nasi jasmín yang digoreng dengan daun limau purut, sawi, serai, bunga kantan dan hirisan ayam. Ia turut dihidangkan dengan sate ayam atau daging di mana kuah kacang

juga adalah resipi kami sendiri.

"Selain itu, hidangan lain yang wajib dicuba adalah spaghetti itik salai shitake yang dimasak dengan minyak zaitun bersama cendawan shitake, tomato ceri, buah zaitun, asparagus dan dicampur Sambal Cendawan Shitake Rasa Rosz yang juga produk kami," ujarnya yang berpengalaman selama 20 tahun dalam industri makanan dan minuman (F&B).

Jelasnya setiap menu baru perlu melalui proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta *food testing* bersama pemilik Restoran Rasa Rosz, Rozita Ramelan sebelum ia diperkenalkan kepada pelanggan.

"Dalam mewujudkan sesuatu menu, kami melalui beberapa proses perbincangan terlebih dahulu namun apa yang sering ditekankan adalah untuk menyediakan menu yang ringkas dan sihat. Ia sedikit sebanyak memberi tekanan namun saya sahut cabaran itu sebaiknya dengan menyediakan beberapa menu berasaskan pes kami sendiri.

"Penggunaan pes juga sedikit sebanyak membantu menjimatkan masa dalam proses penyediaan makanan di mana pelanggan hanya perlu menunggu dalam 10-20 minit sahaja sebelum ia dihidangkan," katanya.

Tambahnya setiap bahan yang digunakan diperolehi daripada pembekal tempatan di sekitar Lembah Klang.

"Kita akan melakukan penambahbaikan dari segi menu untuk masa akan datang, mungkin akan memperkenalkan beberapa lagi

menu barat mahupun lokal dengan menggunakan pes dan sambal sendiri. Semuanya masih dalam proses perbincangan," katanya.

## PENUHI CITA RASA SEMUA

MENGAKUI setiap perniagaan mempunyai liku-liku cabaran tersendiri, Cef Bob berkata industri makanan memberi cabaran yang besar buat peniaga itu sendiri.

"Antara cabarannya adalah kita kena pastikan makanan yang dihidangkan sampai kepada semua lapisan masyarakat sebab di Malaysia kita mempunyai pelbagai bangsa dan setiap individu itu mempunyai cita rasa yang berlainan.

"Bagi saya sukar untuk kita puaskan hati semua orang namun memadai sekiranya majoriti besar menggemari makanan kami dan kami masih dalam progres untuk terus melakukan yang terbaik demi pelanggan," ujarnya selain di AEON Big Wangsa Maju, IOI City Mall Putrajaya merupakan cawangan kedua buat Restoran Rasa Rosz.

Berkongsi perancangan masa hadapan, Cef Bob berkata pihaknya akan mengeluarkan lebih banyak produk lain seperti pes nasi ayam, sambal nasi lemak dan lain-lain.

"Kami juga dalam perancangan untuk membuka satu lagi cawangan di sekitar Lembah Klang pada tahun depan insya-Allah," ujarnya. 



IMBAS  
KOD QR  
UNTUK  
MENONTON  
VIDEO





# RM2.5 JUTA UNTUK 123 BUKU

**DIANA AMIR**  
Foto: **HASIF HALIMI**

**S**EJUMLAH RM2.5 juta diperuntukkan oleh Kerajaan Malaysia MADANI kepada Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) bagi penerbitan 123 buah buku di bawah Projek Penerbitan Buku PENA-Malaysia MADANI.

ia membabitkan pelbagai genre penulisan sastera antaranya kumpulan cerpen, puisi, esei dan buku bergambar kanak-kanak.

Menurut Setiausaha Politik Menteri Kewangan, **Muhammad Kamil Abdul Munim**, meskipun peruntukan tersebut merupakan suatu jumlah yang kecil namun ia bertujuan bagi memajukan industri kreatif terutama bidang penulisan di negara ini.

"Jumlah tersebut adalah kecil bagi sebuah kerajaan. Bagaimanapun, ia sumbangan yang amat bermakna sebagai tanda keprihatinan Kerajaan Malaysia MADANI pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap sastera negara," tegas beliau dalam ucapan perasmian Malam Kemuncak Penulis Malaysia dan Pelancaran Penerbitan 123 Buku PENA-Malaysia MADANI baru-baru ini.

Beliau berkata, hal itu dibuktikan apabila kerajaan memperuntukkan sejumlah RM50 juta kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 2025 untuk membantu segala usaha memartabatkan sastera budaya negara.

Katanya, pelancaran 123 buku itu disifatkan sebagai satu pencapaian yang amat baik kerana berjaya melepasi sasaran awal ditetapkan kerajaan.

"Saya kira ini adalah pencapaian yang baik. Dalam tempoh masa yang cukup singkat



**RERUAL** jualan buku turut diadakan sepanjang program berlangsung.

tetapi berjaya hasilkan satu jumlah buku yang banyak.

"Pastinya pihak kerajaan akan beri perhatian lebih dan ini bermakna kita ada komitmen yang jelas dan juga usaha yang berterusan, koordinasi yang baik dan ini harus sentiasa diberi sokongan dan dokongan," katanya.

Tambah beliau proses penerbitan kesemua buku dijangka selesai Februari tahun hadapan, selepas proses

mengumpul manuskrip selesai November lalu.

Dalam pada itu, Muhammad Kamil turut mengingatkan, isi tulisan yang dihasilkan mestilah asli dan boleh dipertanggungjawabkan.

"Cerita palsu yang merosakkan perlu dibanteras. Oleh sebab itu, kerajaan cuba membawa kebaikan dalam segala aspek termasuklah bidang penulisan. Perdana Menteri mahu penulisan yang membawa kebaikan diteruskan,"

ujarnya.

Dalam usaha memperkukuh kedudukan sastera sebagai teras pembangunan tamadun dan penggerak pemikiran masyarakat, turut diadakan Sidang Kemuncak Penulis Malaysia (SKPM) III dan Perhimpunan Penulis Muda Nasional (PPMN) IV telah diadakan bertempat di Hotel Royal Park @ UNITEN Bangi, Selangor.

Bertemakan Penulis Teras Malaysia MADANI, program anjuran PENA bersama-sama

beberapa persatuan dan agensi kerajaan itu menjadi platform penting dalam memperkasa peranan penulis dalam era Malaysia MADANI ini.

## **PERHIMPUNAN BERSEJARAH 300 PENULIS**


PENA dalam satu kenyataan memaklumkan, acara tiga hari itu menghimpunkan tokoh-tokoh sastera, penulis muda, sarjana dan penggiat seni dari seluruh negara bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan sastera, teknologi dan pembangunan masyarakat.

"SKPM III dan PPMN IV diadakan berlandaskan misi untuk memperkukuh nilai sastera kebangsaan dan mengangkat suara penulis sebagai ejen perubahan.

"Ia bukan sekadar perhimpunan intelektual tetapi juga satu deklarasi bahawa penulis Malaysia mempunyai peranan penting dalam mendepani cabaran globalisasi dan teknologi.

"Penulis adalah penyampai nilai, penjaga tradisi dan pencetus perubahan di mana kedua-dua program tersebut menjadi wadah pencetus inspirasi kepada semua penulis untuk terus berkarya demi memartabatkan sastera dan memperkukuh jati diri bangsa," katanya.

Terdahulu, SKPM III dan PPMN IV diadakan pada 18 hingga 20 Disember 2024 disertai kira-kira 300 orang penulis pelbagai genre.

Pelbagai program berimpak tinggi diadakan merangkumi aspek pembentangan makalah, pendeklamasian puisi, persembahan kesenian, pelancaran buku dan banyak lagi. 





PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan pertemuan bersama pengamal media tempatan dan luar negara bagi menyampaikan perkembangan terkini hala tuju negara terkait polisi kerajaan, pelbagai isu semasa dan masa depan negara.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa mempengerusikan mesyuarat terakhir untuk tahun ini bersama Ketua-Ketua Agensi Jabatan Wilayah Persekutuan di Menara Seri Wilayah.



MENTERI Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir mengadakan pertemuan dua hala dengan Menteri Pendidikan Tinggi dan Kajian Saintifik Republik Mesir, Tuan Yang Terutama Dr Mohamed Ayman Ashour selepas Sidang Kemuncak D-8 baru-baru ini.



MENTERI Sains, Teknologi Dan Inovasi, Chang Lih Kang menerima kunjungan hormat daripada EXCO Agama Islam & Pembudayaan Inovasi Selangor, Dr Fahmi Nгах bagi membincangkan pelbagai peluang kolaborasi strategik antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).



MENTERI Komunikasi, Fahmi Fadzil menyempurnakan perasmian kempen advokasi keselamatan dalam talian, khusus buat komuniti Orang Asli ketika lawatan kerjanya ke Kampung Orang Asli (KOA) Sungai Tonggang.



MENTERI Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong membantu menyediakan rumah dan mendapatkan pekerjaan buat si bapa apabila tujuh sekeluarga itu terpaksa tinggal di dalam kereta selepas ditipu tuan rumah.

# UBAH WAJAH PUSAT BANDAR

KU SEMAN KU HUSSAIN

**S**ELALUNYA apabila bersiar-siar di pusat bandar Kuala Lumpur waktu menunggu senja berlabuh, saya menyusur sekitar Jalan Tun Perak dan Jalan Raja yang di sebelahnya berdiri Bangunan Sultan Abdul Samad. Bangunan itu secara tidak rasmi sudah lama menjadi ikonik bagi Kuala Lumpur.



PENULIS BEBAS

Sebahagian besar pelancong luar negara yang melawat Kuala Lumpur pasti nampak bangunan berkubah yang mempunyai menara jam antik itu. Letaknya bersebelahan Dataran Merdeka yang juga tumpuan pelancong.

Pada 1978, bangunan bekas pusat pentadbiran British di Selangor pada abad ke-19 itu pernah menempatkan Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur sebelum dipindahkan ke Jalan Duta. Malah pernah menjadi pejabat Kementerian Kebudayaan Seni dan Budaya. Bagaimanapun selepas kementerian itu berpindah ke Putrajaya, Bangunan Sultan Abdul Samad terbiar kosong. Begitu juga pejabat Jabatan Penerangan di Jalan Tun Perak yang terbiar hingga kini.

Pemandangan di sekitar Bangunan Sultan Abdul Samad dan beberapa rumah kedai yang terbiar di sekitar sebenarnya tidak begitu cantik di mata pelancong yang sering berlabuh di tepi Dataran Merdeka. Banyak juga rumah kedai yang berusia sekitar seabad terbiar kosong kerana tidak digunakan oleh pemiliknya.

Bagaimanapun pemandangan yang kurang cantik itu berakhir apabila projek pengindahan di sekitar Bangunan Sultan Abdul Samad dimulakan tidak lama lagi. Belanjawan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 2025 memperuntukkan sebanyak RM11.3 juta untuk pengurusan projek itu dan RM3.4 juta untuk pemuliharaan di kawasan berkenaan.

DBKL sebenarnya cakna dengan nilai yang ada pada bangunan dan rumah kedai yang lama itu. Melalui Belanjawan DBKL 2025, DBKL dengan kerjasama Khazanah Nasional dan Think City Sdn Bhd membangunkan projek



BELANJAWAN DBKL 2025 memperuntukkan sejumlah RM3.4 juta untuk pemuliharaan di sekitar kawasan Bangunan Sultan Abdul Samad. - Gambar hiasan

Daerah Budaya dan Kreatif Kuala Lumpur (KLCCD) di sekitar kawasan berkenaan.

KLCCD adalah berita gembira kepada warga kota. Kawasan yang dianggap penuh dengan bangunan dan rumah kedai antik itu akan berubah wajah. Tidak sahaja indah malah memperlihatkan kecaknaan DBKL tidak membiarkan bangunan dan rumah kedai kosong dan terbiar.

Difahamkan bagi menzahirkan matlamat KLCCD, pihak Think City bekerjasama dengan pemilik rumah kedai yang terbiar di sekitar kawasan itu untuk dipulihkan melalui kaedah penggunaan semula. Selain Bangunan Sultan Abdul Samad, bangunan Panggung Rex juga antara yang termasuk untuk dibaik pulih dengan mengekalkan ciri-ciri asal.

Menoleh kembali Belanjawan 2024, kerajaan telah memperuntukkan RM20 juta untuk meremajakan dan menghidupkan semula kawasan pusat bandar Kuala Lumpur itu. Misalnya memanfaatkan dengan sebaiknya banyakk rumah kedai dan bangunan

kosong dan terbiar.

Projek pemuliharaan itu menandakan kecintaan pihak berkuasa tempatan (PBT) pada keindahan kawasan berkenaan. Bangunan Sultan Abdul Samad misalnya memang salah sebuah tinggalan penjajah. Bagaimanapun pada sisi yang lain seni bina Mughal memperlihatkan rakaman sejarah keunggulan empayar Islam pada zaman itu.

## TAMADUN ISLAM

ADA beberapa perkara menarik tentang bangunan itu dan seharusnya dipulihara sebaiknya. Pertama, reka bentuk kubah bukan dari seni bina yang membawa pengaruh Barat. Kedua, kubah juga bukan berasal daripada seni bina tradisi Nusantara. Sebaliknya ia seni bina Moorish dari tamadun Islam di Sepanyol dan Mughal yang menonjol di India pada abad ke-16 hingga ke-19. Kedua-dua seni bina itu menggabungkan elemen yang mempunyai pertautan amat rapat dengan tamadun dan zaman kegemilangan Islam.

Hal itu menunjukkan Barat dan negara-negara Eropah lainnya terpengaruh dengan keunggulan empayar Islam Uthmaniyyah. Sekalipun ketika bangunan itu dibina empayar Uthmaniyyah sudah berada pada hujung kegemilangan, tetapi masih berpengaruh. Barat tidak mahu ketinggalan dan menumpang kegemilangan Empayar Uthmaniyyah pada seni bina di tanah jajahan mereka.

Kita beruntung, sekalipun bangunan itu satu peninggalan penjajah tetapi mempunyai pertautan yang akrab daripada seni bina yang diangkat pada zaman kegemilangan empayar Islam.

Sekalipun projek mengindahkan kawasan sekitar bangunan ikonik itu merupakan sebahagian pelan induk DBKL 2019, Belanjawan DBKL 2025 memberikan penekanan yang khusus pada projek berkenaan. Sekitar kawasan itu akan berubah wajah dan sesuai dengan kedudukannya sebagai tumpuan pelancong.

KLCCD dilihat sebagai usaha memelihara keaslian, mengadunkan ciri-ciri lama dan baharu pada seni bina yang terdapat di sekitar kawasan berkenaan. Usaha mengindahkan dan melestarikan nilai antik di bangunan itu amat dinantikan oleh warga Kuala Lumpur. Sesuai dengan projek mengindahkan

pusat bandar Kuala Lumpur, perlu juga difikirkan kewujudan sebuah lorong untuk menempatkan deretan kedai buku. Cadangan lorong buku itu lebih pada apresiasi terhadap buku yang menyimpan pemikiran besar daripada generasi kepada generasi.

Malah lorong buku itu perlu khusus untuk buku terpakai. Barangkali ada bertanya, kenapa buku terpakai dan bukan buku baharu? Dalam dunia perbukuan, definisi buku terpakai bukan 'barang lama' yang susut nilai. Sebaliknya sesetengah buku itu semakin lama semakin bernilai isi kandungannya.

Sebenarnya lorong buku bukanlah suatu yang baru di bandar-bandar besar di luar negara. Hampir semua bandar besar mempunyai lorong buku atau kawasan khusus menjual buku terpakai yang bukan sahaja dikunjungi oleh orang tempatan, tetapi juga menjadi tumpuan pelancong luar negara.


Konsep pelancongan buku (*bibliotourism*) juga telah lama dilakukan di luar negara. Industri pelancongan turut digerakkan oleh dunia perbukuan yang unik selain kedai-kedai buku baharu yang bertaraf mega. Peminat buku dari seluruh dunia akan mencari lorong buku sebelum membeli-belah.

Di London misalnya, antara tempat wajib dikunjungi oleh peminat buku dari seluruh dunia ialah Cecil Court. Itulah kawasan buku terbesar di London yang menempatkan deretan kedai buku di kiri dan kanan lorong pejalan kaki. Saban hari lorong itu sesak dengan orang ramai, sebahagian besar peminat dan pemburu buku.

Malah kedai buku tertua di Cecil Court, Watkins Book yang mula beroperasi pada 1901 masih teguh berdiri. Secara tidak langsung menjadi ikon lorong buku yang paling besar lagi berpengaruh ini.

Tanpa menafikan peri pentingnya mengindahkan semula bangunan dan rumah kedai lama melalui projek KLCCD, lorong buku wajar menjadi tarikan baharu Kuala Lumpur. Tentulah suatu yang amat mempesona apabila bangunan dan deretan rumah kedai lama dipindahkan dan ada lorong yang menempatkan kedai buku di deretan rumah kedai lama premis yang dibaikpulihkan oleh projek ini.

**SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.**



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera:

Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.

Tel: 03-8861 5260 | E-mail: [editorialwilayahku@gmail.com](mailto:editorialwilayahku@gmail.com)

ZULKIFLI SULONG

**M**UNGKIN buat pertama kalinya para ahli perniagaan besar di Kuala Lumpur akan mati kutu dalam menguruskan projek mereka. Ini kerana mereka terpaksa berdepan dengan tiga wanita dalam urusan mendapatkan apa-apa projek dan kelulusan di ibu negara.

Mereka terpaksa berdepan dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur yang buat pertama kalinya adalah wanita, Menteri Wilayah Persekutuan juga wanita dan Ketua Pengarah Wilayah Persekutuan yang juga seorang wanita.

Kalau dahulu, ahli perniagaan biasanya merundingkan projek mereka dengan pemimpin di Kuala Lumpur di padang-padang golf atau membawa mereka ke karaoke, namun kali ini



PENULIS BEBAS

amat sukar untuk berbuat demikian.

Ketiga-tiga wanita ini sudah tentulah agak sukar untuk dibawa ke padang golf (kecuali kalau mereka memang minat main golf, tetapi jarang sangat wanita gemar main golf) dan saya penuh yakin agak sukar untuk mereka diajak berkaraoke oleh para ahli perniagaan ini.

Tepat sekali apa yang disuarakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa dalam sesi sidang Dewan Rakyat apabila beliau mengibaratkan mereka sebagai tiga wanita besi ini.

Selain beliau, dua lagi 'wanita besi' tersebut adalah Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif dan Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Indera Noridah Abdul Rahim.

Amaran itu sebagai menjawab soalan Zahir Hassan (PH-Wangsa Maju) mengenai isu-isu persundalan dan banjir penajaja warga asing di Kuala Lumpur yang masih tidak berkurangan walaupun KL Strike Force diaktifkan.

"Tiga wanita besi iaitu saya, Datuk Bandar (Maimunah) dan Ketua Pengarah (Noridah) menjaga KL (Kuala Lumpur) ini.

"Insyallah kita akan lihat Kuala Lumpur ini bersih daripada segala perkara yang menjadi *concern* kepada kita (warga) dan insyallah saya juga nak ingatkan, jangan macam-macam (amaran) di Kuala Lumpur ini," katanya ketika sesi jawab lisan di Dewan Rakyat.

Jika mereka tidak boleh diajak berunding di padang golf dan bilik-bilik karaoke, bagaimana para ahli perniagaan ini mahu mendapatkan



## 3 WANITA BESI WILAYAH

projek di Kuala Lumpur ini?

Jalan terbaik sekarang adalah melalui tender terbuka dan juga *presentation* yang baik kepada ketiga-tiga wanita yang menjaga ibu negara ini yang dinamakan sebagai 'Wanita Besi Kuala Lumpur' ini.

Turut berdepan masalah sekarang adalah pihak-pihak yang terlibat dalam industri hiburan terutama yang berlebih-lebih di Kuala Lumpur sekarang.

Ekoran itu, Dr Zaliha dalam jawapan di Dewan Rakyat juga mengumumkan penubuhan KL Strike Force. Katanya, KL Strike Force merupakan satu unit khas bersepadu yang ditubuhkan secara pentadbiran melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) Wilayah Persekutuan pada 27 Mei lalu.

Objektif KL Strike Force adalah untuk menangani isu-isu keselamatan dan ketenteraman awam secara pantas, berkesan dan berterusan di ibu negara.

"Adalah tidak tepat untuk mengatakan tiada pengurangan ke atas kes persundalan di

Kuala Lumpur kerana data 2023 menunjukkan hanya 159 serbuan dan 540 tangkapan sahaja berbanding suku ketiga tahun ini.

"Sejak penubuhan KL Strike Force, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama agensi penguatkuasaan telah menyerbu 209 premis yang menawarkan perkhidmatan persundalan," katanya.

DBKL sudah tentu berdepan dengan cabaran besar di bawah ketiga-tiga wanita besi ini. Tahun 2025 adalah tahun penuh cabaran bila mana Malaysia menjadi pengerusi ASEAN dan Kuala Lumpur sudah tentu menjadi tumpuan utama.

DBKL membuat peruntukan yang besar untuk berdepan tahun 2025 ini, kata Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif.

Wanita besi ini mengumumkan, DBKL memperuntukkan RM2.84 bilion untuk Belanjawan 2025, mencatatkan peningkatan sebanyak 6.57 peratus atau RM175 juta berbanding belanjawan 2024.

Kebanyakan perbelanjaan, iaitu RM2.196

bilion (77.5%), akan diperuntukkan untuk tujuan pengurusan, manakala RM638.65 juta akan digunakan untuk perbelanjaan pembangunan.

Sebanyak RM63.75 juta daripada perbelanjaan pembangunan akan dibiayai oleh geran Kerajaan Persekutuan.

Bekas kakitangan UNESCO ini menggambarkan Belanjawan DBKL 2025 sebagai 'belanjawan perbelanjaan' dan bukannya 'belanjawan aspirasi'.

Bertemakan 'Kuala Lumpur Lestari, Warga Kota Sejahtera', belanjawan ini dirangka berdasarkan jangkaan keadaan ekonomi yang lebih baik dan sudah berkembang sepenuhnya.

"Belanjawan ini memberi penekanan yang kuat terhadap pelaksanaan projek dan program yang dirancang," katanya.

Kita berdoa ketiga-tiga wanita besi ini berjaya mengharungi cabaran dengan baik dan menjadi wanita kebanggaan negara.

**SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.**

### Belanjawan utamakan penduduk KL

**MENINGKATKAN** kualiti hidup rakyat, memberi perkhidmatan terbaik berterusan kepada warga kota adalah antara intipati menarik Belanjawan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 2025 yang dibentangkan oleh Datuk Bandar, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif, pada 20 Disember lalu.

Selain itu, fokus belanjawan berjumlah RM2.84 bilion ini ialah menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya selesa untuk didiami serta memastikan tiada manamana pihak ketinggalan dalam aspek pembangunan dan kesejahteraan ibu kota.

Kawan-kawan Kedai Kopi menyambut baik teras belanjawan yang bertemakan Kuala Lumpur Lestari, Warga Kota Sejahtera ini. Sasarannya serampang dua mata,

kesejahteraan ibu kota dan kemakmuran penduduk.

Kawan-kawan Kedai Kopi kagum kerana DBKL akan berusaha memastikan belanjawan seimbang dicapai pada 2026.

Belanjawan dirangka bukan sekadar pelan kewangan tetapi juga sebagai pelan transformasi. Ini terserlah melalui unjuran hasil serta menekankan transformasi bandar raya dan warga kota.

DBKL menyediakan peruntukan berdasar bidang keutamaan, berteraskan Program Perdana DBKL. Terangkum di dalamnya antaranya ialah Program Mitigasi Banjir, Program Pengurusan Lalu Lintas dan Keselamatan, Program Rendah Karbon, Lestari Niaga dan Tahun Melawat Malaysia 2026.



### Warga asing perlu bayar

**MULAI** 1 Januari 2025, warga asing tidak lagi menikmati tambang percuma apabila menggunakan perkhidmatan bas GO-KL seperti sebelum ini. Sebaliknya mereka akan dikenakan bayaran RM1 bagi setiap perjalanan.

Menurut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), peraturan ini dibuat berikutan pelaksanaan bayaran tambang bagi empat laluan iaitu Hijau (01), Ungu (02), Merah (03) dan Merah (04) yang bermula pada 2024. Kini ia diperluas bagi laluan Oren (05), Merah Jambu (06) dan Merah Hati (08).

Pembayaran adalah secara bukan tunai, boleh menggunakan kad Touch 'n Go (TnG), kod QRS, kad kredit atau kad debit. Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, bayaran

yang dikenakan terhadap warga asing sangat munasabah namun ia tidak harus dilihat sebagai unsur pilih kasih.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya di negara lain pun peraturan seperti ini diguna pakai. Warga negara tentu ada keistimewaan dalam perkara tertentu. Lagipun untuk khidmat bas lain, warga negara juga perlu membayar.

Caj dikenakan sangat minimum dan mampu diserap. Ini juga cara memastikan mereka berkongsi membayar untuk perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan dalam usaha melicinkan khidmat pengangkutan awam di ibu negara.

Khidmat GO-KL memberi manfaat besar kepada warga kota dalam urusan pengangkutan harian.



Ahli kumpulan MBSB Group

## Mohon Pembiayaan Peribadi dengan



## Mudah. Cepat. Pantas

**Penangguhan Bayaran**  
3 Bulan

Kadar Pembiayaan Serendah  
**2.96%**  
Setahun

Pembiayaan Sehingga  
**RM 400,000**

Imbas sekarang dan nikmati kemudahan di hujung jari anda!

Ibu bapa semakin faham gejala autisme anak-anak

# STATISTIK ASD MENINGKAT

KHAIRUL IDIN

**S**TATISTIK gangguan spektrum autisme atau ASD yang dihadapi oleh kanak-kanak berusia dua tahun ke atas di pulau ini mencatatkan peningkatan yang ketara.

Autisme adalah gangguan pertumbuhan tumbesaran individu dalam jangka masa panjang yang memberi kesan kepada pemikiran kanak-kanak dan dalam proses informasi.

Keadaan tersebut boleh berlaku kepada satu ke dua orang daripada 1,000 kanak-kanak serta terjadi empat kali lebih kerap dalam kalangan kanak-kanak lelaki.

Hingga kini punca autisme belum dapat dikenal pasti sepenuhnya, namun ada pakar berpandangan ia berdasarkan pelbagai faktor, antaranya keturunan atau ketidakseimbangan kimia di dalam otak sebagai penyebab.

Menurut Pengarah Labuan Autism Care Centre (LACC), **Shafrry Mohd Sarif**, peningkatan terhadap statistik mengenai ASD di Labuan adalah berdasarkan tahap kesedaran ibu bapa yang semakin cakna dan memahami bahawa sindrom tersebut memerlukan pendekatan pembelajaran mengikut kesesuaian.

Katanya, simptom autisme boleh dikenal pasti



SHAFRRY



SIMPtom autisme boleh dikenal pasti ketika kanak-kanak berusia tiga tahun.

ketika kanak-kanak berusia tiga tahun kerana pada tempoh tersebut gejala lebih mudah dikesan dari segi kebolehan kanak-kanak tersebut dalam pergaulan dan sebagainya.

"Di Labuan, LACC merupakan satu-satunya pusat penjagaan kanak-kanak yang

didiagnosis autisme. Maka dengan itu, kami di sini menerima banyak permohonan daripada ibu bapa yang mahu menempatkan anak mereka untuk mendapatkan pembelajaran yang bersesuaian. Kini kami mempunyai kira-kira seramai 250 pelajar.

"Berdasarkan rekod, setiap minggu kami menerima lebih kurang 10 permohonan bagi pendaftaran kanak-kanak yang menghidapi autisme dan sebelum itu kami akan melaksanakan beberapa ujian saringan untuk mengenal pasti

tahap autisme yang dihadapi.

"Bagi saya, peningkatan terhadap autisme di Labuan bukanlah satu perkara yang tidak baik, namun jika kita melihat dari sudut positifnya kita tahu bahawa tahap kesedaran ibu bapa dan masyarakat di sini terhadap mengenai ASD semakin difahami," katanya.

Shafrry berkata antara kebimbangan yang sering diutarakan oleh ibu bapa adalah mengenai pendidikan anak mereka.


"Di LACC, kami mempraktikkan beberapa modul pembelajaran hasil

kajian kami dan ketika ini kesemua modul pembelajaran yang diajar dapat dipelajari dan menunjukkan perkembangan baik.

"Apa yang menjadi matlamat kita adalah memberi didikan yang boleh membantu mereka untuk lebih berdaya dalam menguruskan kehidupan seharian dengan lebih baik.

"Kami menggunakan 52 Modul Pembelajaran secara holistik yang terdiri daripada Modul Pengurusan Diri, Modul Sensory, Modul Kemahiran Literasi Awal (3M) dan Modul Akademik. Selain itu, kami turut melaksanakan Program Transformasi Autism, Program Autism EIP, Program Autism Smart School dan Program Occupational Therapy (Playgroup), pembelajaran dengan pendekatan teknologi dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, bagi seorang tenaga pengajar, Masliana Simadin menyifatkan sebagai satu cabaran besar kepadanya dalam mendidik kanak-kanak autisme kerana mereka adalah golongan yang unik dengan keperluan yang berbeza-beza serta memerlukan pendekatan pengajaran yang sangat individu dan pelbagai strategi.

Katanya, kanak-kanak autisme mungkin menghadapi kesukaran dalam komunikasi verbal dan non-verbal. Ini boleh menyebabkan cabaran kepadanya dalam memahami keperluan dan perasaan yang mereka mahu sampaikan. 

## Angkat nasib peniaga kecil

**INISIATIF** Program Lestari Niaga MADANI mencerminkan usaha kerajaan dalam mengangkat nasib golongan peniaga kecil di pulau ini dan bakal menjadi salah satu lokasi tarikan pengunjung luar dan tempatan.

Menurut Perbadanan Labuan (PL) dalam satu kenyataan baru-baru ini, pelaksanaan menaik taraf bangunan yang dahulunya dikenali sebagai Siswazah Corner itu telah melenan peruntukan sejumlah RM1.2 juta yang mula dilaksanakan pada Mei tahun lalu dan siap sepenuhnya pada pertengahan November lalu.

Katanya, penambahbaikan yang dilaksanakan pada Lestari Niaga MADANI menegenakkan wajah baharu yang lebih selesa dengan kelengkapan asas yang lebih baik antaranya struktur bangunan berbumbung.

"Lestari Niaga MADANI Labuan kini dibuka secara rasmi sebagai destinasi baharu untuk menjamu selera, terletak strategik di sebelah

Terminal Feri Antarabangsa Labuan. Dengan enam lot perniagaan yang menyediakan pelbagai pilihan makanan dan minuman, lokasi ini menjadi daya tarikan istimewa buat penduduk tempatan dan pelawat dari luar.

"Lebih daripada sekadar pusat makanan, Lestari Niaga MADANI adalah salah satu platform yang penting untuk menyokong usahawan tempatan. Inisiatif ini selaras dengan agenda kerajaan yang mahu memperkukuhkan ekonomi komuniti setempat.

"Inisiatif ini sudah tentunya membuka peluang kepada usahawan untuk berkembang maju dan memperkenalkan keunikan produk mereka kepada masyarakat yang lebih luas," kata kenyataan itu.

Tambahnya, pihaknya kini sedang merangka pelbagai perancangan untuk mempromosikan seterusnya menjadikan Lestari Niaga MADANI yang terletak di bandar utama itu menjadi salah satu lokasi tumpuan pelancong luar.



LESTARI Niaga MADANI Labuan kini dibuka secara rasmi.

Sementara itu, bagi seorang peniaga kuih-muih, Naziana Zulkifli, memaklumkan beliau rasa bersyukur kerana diberikan peluang oleh pihak PL untuk berniaga di Lestari Niaga MADANI.

"Sebelum ini, saya berniaga dari rumah sahaja dan adakalanya mengikut program-program jualan dan sudah tentunya menjadi satu impian saya juga untuk memiliki satu lokasi tetap bagi mengembangkan lagi perniagaan saya ini.

"Saya amat bersyukur kerana PL menawarkan saya ruang di Lestari Niaga MADANI dan bagi saya ini merupakan satu peluang yang tidak


boleh dilepaskan kerana lokasi di sini amat strategik," katanya.

Bagi peniaga makanan Gerai no 6, Mohd Faizal Rajinun, yang telah berniaga di bangunan itu yang dahulunya dikenali Siswazah Corner sejak 2016, menyifatkan inisiatif Program Lestari Niaga MADANI yang dilaksanakan oleh kerajaan memberikan satu nafas baharu kepada tempat tersebut.

"Alhamdulillah, sejak bangunan baharu ini telah dibuka saya mengakui ia amat selesa dan amat jauh lebih baik berbanding sebelum ini kerana bangunan baharu ini mempunyai bumbung, meja dan

struktur bangunan yang lebih menarik," ujarnya.

Peniaga Nachos Loaded, Zamrul Akmar Mohd Roslan melahirkan kekaguman pihak kerajaan menerusi PL atas usaha murni memajukan lagi pembangunan Labuan sekaligus memberikan manfaat kepada peniaga dan komuniti di sini.

"Saya rasa tempat ini akan menjadi salah satu lokasi tarikan pengunjung sama ada tempatan atau luar untuk mendapatkan menu yang lazat sambil menikmati pemandangan laut di waktu malam. 

# Budaya sikap prihatin alam sekitar

**MELENTUR** buluh biarlah dari rebungunya. Bukan sekadar peribadi dan tutur kata berhemah, setiap perlakuan yang baik dalam kehidupan harian juga perlu disemai sejak kecil.

Justeru, kepentingan alam sekitar untuk kehidupan yang lebih sihat dan sejahtera antara nilai murni yang perlu disemai sejak kecil meskipun awalnya ia sukar untuk dilakukan.

Atas dasar itu, Sekolah Kebangsaan (SK) Putrajaya Presint 11(1) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Alam Flora Environmental Solutions (AFES) melancarkan Pameran dan Bicara Kitar Semula serta Pelancaran

Laman Kitar Hias sebagai usaha mendidik generasi muda lebih peka terhadap alam sekitar.

Menurut Pengarah Bahagian Kesihatan Persekitaran, Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj, **Dr Mohd Helmi Abdul Hamid**, acara ini bertujuan mendidik generasi muda mengenai kepentingan amalan kitar semula melalui pendekatan yang interaktif dan kreatif sejajar dengan aspirasi Generasi Putrajaya, Juara Kitar Semula.

"Tugas pelajar dan murid pada hari ini bukan sahaja terikat mengikuti pembelajaran di sekolah tetapi memikul tanggungjawab lebih besar dalam memastikan kepentingan alam sekitar

terpelihara dan memastikannya dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

"Mereka inilah yang perlu menjadi penggerak utama dalam menjalankan program pemuliharaan alam sekitar sebelum diperluas kepada komuniti setempat.

"Menjaga kepentingan alam sekitar merupakan tanggungjawab semua pihak dan persepsi masyarakat bahawa peranan itu hanya digalas pihak berkuasa wajar diperbetulkan demi mengelak berlakunya kemusnahan bumi," katanya.

Selain itu, beliau berkata program ini juga dapat menggalakkan pelajar memelihara alam sekitar melalui

cara 'reuse, reduce and recycle'.

"Pembabitan kanak-kanak menerusi aktiviti seni seperti ini dengan menggalakkan penggunaan bahan kitar semula dapat membantu mereka menjadi lebih peka pada kepentingan alam sekitar di samping membantu menyelamatkan bumi.

"Ini juga sebagai inisiatif untuk mendekati dan menyampaikan mesej positif kepada pelajar menerusi kaedah menarik di samping menggalakkan pelajar berfikir lebih inovatif dan kreatif dalam menghasilkan produk menggunakan barang terpakai.

"Minda anak muda ini juga mudah dibentuk dan aktiviti seni

menjadi satu wadah yang boleh digunakan untuk menyampaikan mesej mengenai pentingnya kitar semula dan penjagaan alam sekitar," katanya.

Dalam masa sama, beliau berkata majlis ini adalah sebahagian daripada usaha menyokong pembangunan mampan dengan memperkasakan komuniti sekolah sebagai pemangkin perubahan.

"Dengan usaha ini, semoga seluruh warga SK Putrajaya Presint 11(1) dapat meneruskan usaha murni ini dalam membudayakan amalan kitar semula sekaligus menyumbang kepada pengurangan sisa dan pemuliharaan alam sekitar," katanya.

## PPj bantu jana pendapatan komuniti B40

# PERKASA EKONOMI USAHAWAN MIKRO

SABRINA SABRE

**PERBADANAN** Putrajaya (PPj) mempertingkatkan lagi usaha dalam memperkasakan komuniti golongan berpendapatan rendah (B40) khususnya ibu tunggal dan belia melalui inovasi ekonomi digital menerusi Projek Dapur Digital (Cloud Kitchen).

Menurut Presiden PPj, **Datuk Fadlun Mak Ujud**, Dapur Digital merupakan pusat komuniti yang boleh digunakan untuk pelbagai projek masa depan seperti pengurusan sisa minyak masak, inventori digital dan pengurusan makanan melalui kerjasama dengan syarikat telekomunikasi, perusahaan dan *start-up* di bawah kendalian Pepper Labs sebagai operator yang dipercayai.

"Dapur-dapur ini berfungsi sebagai hab ekonomi yang menawarkan peluang kepada usahawan mikro B40 untuk menjana pendapatan untuk keluarga.

"Dalam hal ini, PPj mengenal pasti dua lokasi iaitu di Pangsapuri Putra Damai Presint 11 dan Kompleks Pasar Awam Presint 16 bagi memulakan Projek Dapur Digital yang akan melibatkan lebih 50 peserta.

"Usahawan mikro yang terlibat akan terus mendapat bimbingan kemahiran perniagaan, teknologi makanan dan pengurusan dapur menjadikan mereka lebih berdaya saing dalam ekonomi digital.

"Inisiatif Dapur Digital bukan sahaja melatih mereka untuk mempertajam kemahiran dan mengasah bakat dalam bidang kulinari, malah juga memberikan bimbingan sepenuhnya dalam pelbagai aspek pengendalian dan pengurusan perniagaan makanan," katanya semasa Majlis Perasmian Pusat Penjaja Putrajaya dan Penyerahan Sijil Caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

Fadlun berkata, usahawan akan



**MENTERI** di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** ketika melancarkan salah satu Projek Dapur Digital.

dibimbing untuk memanfaatkan teknologi dan platform dalam talian secara strategik bermula daripada pembangunan produk sehingga pemasaran digital.

"Melalui inisiatif ini, ia akan dapat menyediakan laluan jelas menuju kebebasan kewangan selepas mereka menamatkan latihan komprehensif di samping membolehkan usahawan terbabit terus maju dan berjaya berkembang dalam ekonomi makanan digital.

"Dalam masa sama, komuniti B40 bukan sahaja dapat menjana pendapatan tambahan malah memperoleh kemahiran baru yang membolehkan mereka terus berkembang dan memperkasakan keupayaan bagi mengukuhkan ekonomi masing-masing," ujarnya.

Beliau berkata, inisiatif Dapur Digital memberi impak sosial dan ekonomi yang mampan kepada komuniti setempat dan menyokong aspirasi kerajaan untuk menoktahkan kemiskinan tegar Program Usaha Jaya Insan (PUJI) di bawah komponen

Upaya@PUJI.

"Di kesempatan ini saya menggalakkan penjaja untuk turut menyertai Projek Dapur Digital untuk memajukan lagi perniagaan dan menambah pendapatan," ujarnya.

Terdahulu, dalam pembentangan Bajet 2023, Perdana Menteri telah mengumumkan Projek Dapur Digital dalam usaha menggiatkan lagi pemerksaan komuniti khususnya dalam kalangan golongan B40 melalui aktiviti ekonomi dan penerapan digital yang dijangka dapat menjana pendapatan.

Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) selaku peneraju pelaksanaannya di Wilayah Persekutuan akan menjalinkan kolaborasi bersama agensi-agensi di bawahnya, Kementerian Kewangan dan Pepper Labs bagi mengenal pasti komuniti terpilih khususnya usahawan B40 untuk menyertai Projek Dapur Digital dan memasarkan produk makanan mereka di platform digital seperti GrabFood, ShopeeFood dan Foodpanda.

# Gotong-royong cegah denggi

**KIRA-KIRA** 130 anggota bomba di sekitar Putrajaya mengambil bahagian dalam pelaksanaan gotong-royong yang diadakan baru-baru ini.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Putrajaya memaklumkan pihaknya komited dalam melaksanakan aktiviti kawalan dan pencenggahan denggi di premis kerajaan.

"Bagi mendukung usaha tersebut, satu siri gotong-royong kawalan dan pencegahan dilaksanakan di kawasan premis bagi memastikan persekitaran yang bersih dan bebas daripada pembiakan nyamuk aedes.

"Seramai 130 anggota dari ibu pejabat JBPM Putrajaya, Balai Bomba Presint 7 dan 14 telah mengambil bahagian bermula pada pukul 9 pagi sehingga selesai.

"Aktiviti ini juga mendapat kerjasama Pejabat Kesihatan Putrajaya dari segi tindakan fogging serta pembekalan ubat jentik-jentik," katanya dalam satu kenyataan.

Tambahnya, aktiviti tersebut diadakan secara berkala dan merupakan salah satu aktiviti tahunan sekaligus mencerminkan usaha mereka dalam menangani denggi selari saranan pihak kerajaan.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan memaklumkan sebanyak 1,342 kes demam denggi dan dua kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-49 (ME49).

"Terdapat 32 lokaliti aktif *hot spot* yang dilaporkan pada ME49 iaitu 18 lokaliti di Selangor, empat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, masing-masing tiga di Negeri Sembilan dan Sabah serta masing-masing dua di Pulau Pinang dan Perak," katanya.



**SEKITAR** aktiviti gotong-royong yang diadakan baru-baru ini.

Pacu pembangunan industri sukan negara

# KBS PERKENAL 3 DANA BAHARU

SABRINA SABRE

**K**ERAJAAN melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memperkenalkan tiga dana baharu bagi tahun 2025 sebagai langkah merakyatkan sukan dan memacu pembangunan industri sukan negara.

Menurut Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh**, tiga dana tersebut melibatkan Geran Padanan Sukan (GPS), Dana Sukan Komuniti (DSK) dan Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara (KWASN).

"Pelaksanaan dana itu juga telah ditambah baik dari segi mekanisme dan terma rujukan permohonan berdasarkan maklum balas serta sambutan pada tahun 2024.

"Dana itu disasarkan bagi menyokong pelbagai aktiviti sukan yang melibatkan 103 jenis sukan seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576).

"Pendekatan itu akan membantu meningkatkan budaya gaya hidup aktif dalam kalangan rakyat dan memperkasakan industri sukan negara," katanya pada Sidang Media Dana Sukan KBS 2025.

Di samping itu, Hannah berkata semua pertandingan antarabangsa yang dianjurkan di Malaysia pada tahun 2025 memerlukan kelulusan daripada menteri.

"Bermula tahun 2026, kebenaran



**KERAJAAN akan terus memperkukuhkan komitmen terhadap pembangunan sukan tanah air.**

bertulis akan diwajibkan bagi mana-mana pihak yang mahu menawarkan diri sebagai tuan rumah acara sukan antarabangsa selaras dengan Seksyen 33, Akta Pembangunan Sukan 1997.

"GPS akan memberi peluang

kepada badan sukan, kelab belia dan badan bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar untuk menganjurkan program sukan berprestasi tinggi di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa," ujarnya.

Beliau berkata, pembiayaan

sehingga 50 peratus kos program atau maksimum RM1 juta disediakan melalui kaedah tuntutan bayaran balik selepas program selesai.

"DSK pula bertujuan membantu pelaksanaan program pembangunan sukan komuniti termasuk aktiviti

kecergasan, sukan dan rekreasi.


"Dana itu menawarkan bantuan kewangan dengan jumlah maksimum RM50,000, disalurkan secara pendahuluan 70 peratus dan baki 30 peratus selepas laporan lengkap diterima.

"Selain itu, KWASN memberi tumpuan kepada penganjuran pertandingan sukan kebangsaan dan antarabangsa serta penyertaan atlet ke kejohanan luar negara. Permohonan tertakluk kepada jenis sukan yang disenaraikan di bawah Akta Pembangunan Sukan," ujarnya.

Sementara itu, Hannah berkata KBS tidak mengenakan sebarang caj, komisen atau fi untuk permohonan dana ini.

"Orang ramai yang berhadapan dengan insiden penyalahgunaan diminta melaporkan kepada Unit Integriti KBS melalui e-mel unit\_integriti@kbs.gov.my.

"Pelaksanaan dana itu diharapkan dapat memupuk budaya sukan dalam kalangan masyarakat, memperkasakan pertubuhan sukan serta meningkatkan prestasi atlet melalui penganjuran pertandingan yang lebih kompetitif," ujarnya.

Maklumat lanjut mengenai permohonan dan garis panduan dana boleh diperolehi di laman web rasmi KBS di <https://www.kbs.gov.my>. 

## Thamaraj cipta rekod, raih juara silat dunia

**SILAT** merupakan salah satu jenis seni mempertahankan diri, bagaimanapun sebelum ini hanya popular dan mendapat sambutan daripada etnik berbangsa Melayu.

Tidak dinafikan, di dalam silat ia juga turut memasukkan sedikit budaya Melayu yang boleh dilihat dari segi baju, seni persembahan dan banyak lagi.

Meskipun ia sering dipelopori oleh individu berbangsa Melayu namun ia tidak menghalang minat bangsa lain untuk mempelajari dan menguasai ilmu persilatan.

Baru-baru ini, pesilat negara, V Thamaraj berjaya mencipta rekod apabila muncul sebagai pesilat berbangsa India pertama di Malaysia yang menjadi juara dunia.

Thamaraj menjadi juara dunia dalam satu pertandingan Kejohanan Pencak Silat Dunia yang diadakan di Pusat Pameran Nasional Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Atlet negara itu berjaya menewaskan pihak lawannya dari Uzbekistan iaitu Khudoyberdiev Diyorbek dalam acara akhir kategori Bebas Putera.

Menerusi kemas kini yang dibuat oleh Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) dalam hantaran di Facebook, setakat ini Malaysia telah




**THAMARAJ (dua kiri) meraikan kejayaannya muncul juara dunia di pentas podium.**

memperoleh sebanyak enam pingat emas, sembilan pingat perak dan empat gangsa.

Melihat di ruangan komen ramai yang mengucapkan tahniah dan bangga dengan Thamaraj atas

kemenangan tersebut.

Tidak kurang juga ada yang berkongsi video memaparkan saat kemenangan Thamaraj bertaruh dengan pesilat Uzbekistan berkenaan. 

## 5 acara takraw di Sukan SEA Thailand

**LIMA** acara sepak takraw bagi lelaki dan wanita bakal dipertandingkan di Sukan SEA Thailand dari 9 hingga 20 Disember tahun depan.

Perkara itu dimaklumkan Persekutuan Sepaktakraw Asia (ASTAF) dalam satu kenyataan pada Sabtu dengan acara berkenaan merangkumi regu berpasukan, regu, quadrant, hoop dan chinlone masing-masing untuk lelaki dan wanita.

Dalam masa sama, ASTAF menjelaskan sesebuah negara boleh menyenaraikan hingga 21 pemain (lelaki dan wanita) serta minimum enam pemain atau maksimum lapan pemain bagi lelaki dan wanita untuk acara chinlone.


Presiden ASTAF, **Datuk Abdul Halim Kader** berkata, kelayakan dan perincian acara tersebut diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Persekutuan Sukan SEA di Ibu Pejabat Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan (NOC) Thailand pada 25 Oktober lepas.

"Kami mengucapkan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada NOC Thailand pimpinan Jeneral Prawit Wongsuwan.

"Kami juga menghargai persiapan Majlis Persekutuan Sukan SEA Thailand dan Ibu Pejabat Sukan SEA diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Chaiyapak Siriwat," katanya.

Abdul Halim berkata, Kumpulan A (Kategori Terbuka) merangkumi acara regu berpasukan lelaki dan wanita manakala Kumpulan B memberi kebenaran kepada setiap negara memilih dua daripada tiga acara iaitu antara regu, kuadran dan gelung untuk lelaki dan wanita.

Kumpulan C (Kategori Terbuka) memperkenalkan acara kuadran campuran dan Kumpulan D (Kategori Terbuka) untuk acara chinlone bagi lelaki dan wanita.

Di samping itu, beliau berkata setiap negara juga mesti menamakan dua pengadil yang diluluskan ASTAF untuk pertandingan itu. 

# PAHIT MANIS NAN MENDEWASAKAN

**DEEL ANJER**

**K**ATA orang, kita tidak dapat memiliki pelangi tanpa hujan dan kita tidak akan tahu seperti apa rasanya manis tanpa merasakan yang pahit.

Jadi, di akhir tahun 2024 ini, terimalah yang pahit dan manis, kedua-duanya menyimpan pengajaran yang membantu kita untuk lebih kuat.

Para selebriti juga tidak terlepas daripada pengalaman pahit dan manis, namun itulah yang mendewasakan mereka.

## Kenangan manis ada tanggungjawab

**BAGI Trisha Ooi**, antara pengalaman manis sepanjang 2024 yang tidak dapat dilupakannya apabila dinobatkan sebagai Pelakon Wanita Harapan menerusi filem Janna Endoro pada malam kemuncak Festival Filem Malaysia ke-33 (FFM33), baru-baru ini.

Menurut Trisha atau nama sebenarnya Reyshqa Aqiera Mohd Nasron Ooi, 25, kenangan itu perlu disusuli dengan rasa tanggungjawab untuk dirinya terus memberikan yang terbaik dalam dunia lakonan.

"Anugerah itu bukan sahaja kenangan manis, tetapi juga penguat semangat untuk memperbaiki kelemahan yang ada.

"Rasanya kenangan manis ini sampai bila-bila. Ini adalah anugerah pertama saya dalam bidang seni. Saya tak sangka kerana yang lain semua hebat.

"Dalam masa yang sama, ia juga satu tanggungjawab untuk terus lakukan yang terbaik. Terima kasih untuk semua yang terlibat dalam kerjaya saya," katanya yang hanya mahu fikir positif sahaja.


Ketika segelintir artis sanggup mencipta kontroversi demi dilihat sebagai relevan, namun ia bukan pilihan buat Trisha yang berharap dapat menepis kontroversi.

"Pasal kontroversi, saya akan jaga selagi boleh. Saya nak orang terima baik saya disebabkan lakonan atau bakat saya.

"Berlakon ini satu tanggungjawab dan amanah, jadi orang nak orang kenal bakat atau nama Trisha menerusi karya yang saya terlibat. Bukan kenal sebab kontroversi.

"Kita cari makan dalam bidang ini dan sudah tentu mahu kekal lama. Jadi saya jaga diri selagi mampu untuk elak kontroversi.

"Nak cakap lebih-lebih pun takut, kita tak tahu apa yang akan terjadi pada masa depan.

"Kalau orang lain sukakan kontroversi, bagi saya setiap orang punya pendapat yang berbeza," tambahnya. 



## Fadlan Hazim kecewa, terkilan

**PELAKON Fadlan Hazim** akui tahun 2024 tidak seindah yang diharapkan apabila impiannya untuk berlakon dalam filem aksi tidak kesampaian meskipun telah berusaha ke arah itu.

"Untuk tahun 2024, kalau bercakap pasal filem, saya akui banyak rasa kecewa, terkilan sangat sebab tak diterima. Saya ikuti banyak casting untuk filem aksi tapi semua tak dapat.

"Mungkin saya sudah bersedia fizikal dan mental untuk berlakon filem aksi serta berusaha merealisasikan, sudah tentu apabila tidak terpilih, saya kecewa.

"Saya belajar beberapa jenis seni mempertahankan diri termasuk mempunyai tali pinggang hitam dalam taekwondo. Terkilan itu sebab tidak dapat tunjukkan bakat kita itu dalam filem berbajet besar yang ditunggu-tunggu ramai," luahnya.


Namun di sebalik kekecewaan itu, ada kemanisannya. Fadlan mengakui kekecewaan itu menjadikannya lebih matang.

"Kekecewaan sebenarnya buat saya lebih kuat. Memanglah apabila kita bukan menjadi pilihan dalam mana-mana sesi casting, kita akan rasa lemah semangat dan rasa diri tak cukup berbakat.

"Apabila saya renung balik, banyak lagi saya nak kena perbaiki sebab itu tidak dipilih. Alhamdulillah, saya sering memperbaiki kelemahan diri dari semasa ke semasa," ujarnya.

Dalam kekecewaan itu, Fadlan akui diterima baik apabila banyak tawaran drama yang datang.

"Banyak drama disiarkan seperti lakonan saya bersama Fasha Sandha dalam *Khilaf Yang Tertulis*, gandingan saya bersama Biduanita Negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza dalam muzik video *Magis* dan banyak lagi. Insya-Allah ada lagi yang bakal menyusul.

"Menyentuh tentang kehidupan peribadi pula, kenangan terindah apabila 2024 merupakan tahun pertama hidup sebagai suami isteri. Alhamdulillah, saya dapat rasakan kehidupan ini penuh dengan keberkatan sebab semuanya dah halal," tambahnya lagi. 



## Moussa akhiri penantian Sheila Abdull

**PESERTA** Gegar Vaganza musim ke-11 (GV11), **Sheila Abdull** akui pengalaman pahit manis sepanjang tahun 2024 membuatkan dirinya menjadi lebih matang.

"Tahun ini saya paling sedih apabila kehilangan ibu mentua, Mimi Zuriati Badli, yang meninggal dunia akibat kanser rahim, pada 24 Mei lalu.

"Sejak berkahwin, saya anggap arwah seperti ibu sendiri. Sedih dan pedihnya hati apabila arwah pergi tinggalkan kami semua. Sudahlah saya sedang sarat mengandung masa itu. Sehingga ke hari ini, rasa hidup ini tak lengkap.

"Kalau arwah ada ketika saya masuk GV11 ini, dialah antara orang kuat yang sentiasa mahukan yang terbaik untuk menantunya ini," katanya.

Menurut pemilik nama sebenar Nursheila Abdullah, 36, yang juga isteri kepada bekas anggota kumpulan Drama Band, Ammar Habir, 2024 turut memberi banyak kenangan manis buat dirinya.

"Selang seminggu arwah ibu mentua pergi, saya dikurniakan bayi lelaki. Bayi yang dinanti-nantikan dalam keluarga, sebab sebelum ini kedua-dua anak perempuan. Adik beradik, anak-anak saudara pun semua perempuan.

"Jadi apabila lahirnya Moussa El Kazeem, dia jadi buah hati semua oranglah. Kiranya Moussa akhiri penantian kami," ujarnya.

Selain itu, menyertai GV11 juga satu kenangan manis buat Sheila yang memberikan persembahan terbaik setiap minggu.

"Dipanggil untuk sertai GV setelah beberapa tahun tak dapat sertai atas beberapa faktor, juga suatu kenangan manis.

"Apabila dapat nyanyi balik seperti ada semangat baharu. Dulu, saya muda lagi. Pengalaman tak banyak. Kali ini lebih semangat dan lebih fokus, mungkin faktor usia serta lebih matang," katanya. 